

PEMBERONTAKAN BERSENJATA 1948 HINGGA 1960 DAN REPUBLIK DEMOKRATIK RAKYAT MALAYA: MERUNGKAI CITA DAN HASRAT SEBENAR PARTI KOMUNIS MALAYA (PKM)

Abdullah Zakaria Ghazali*

Abstrak

Makalah ini memfokuskan perbincangan kepada penjelasan dan pemaparan tentang cita-cita dan hasrat sebenar PKM dalam pemberontakan bersenjata 1948 hingga 1960.. Fahaman Komunis berasal dari negara China, dibawa masuk ke tanah Melayu oleh penghijrah Cina pada awal abad ke-20, serta menyebar di kawasan penempatan majoriti orang Cina pada 1920-an, dan muncul sebagai sebuah pertubuhan politik pada 1930, di Kuala Pilah, Negeri Sembilan, dikenali sebagai PKM. Pelbagai rasional didendangkan dalam kegiatan PKM ini. Antaranya, yang ditonjolkan, menghalau penjajah British dan membebaskan tanah Melayu daripada penjajah British. Hasil kajian mendapati matlamat yang tersirat dalam kegiatan sebenar PKM adalah menubuhkan sebuah negara rakyat, bernama Republik Demokratik Rakyat Malaya. Dalam perjuangan ini pula PKM berpegang; penghalang perjuangan atau berkerjasama dengan British adalah musuh perjuangan rakyat jelata. Seterusnya apabila berjaya dalam perjuangan, sebuah negara rakyat akan dibentuk, Republik Demokratik Rakyat Malaya, dan rakyat Malaya hidup kesejahteraan selama-lamanya. Dalam mengejar cita-cita itu, PKM menyerang, merosak, dan memsabotaj pelbagai kemudahan awam, membunuh orang awam serta pasukan bersenjata. Sekali gus melakukan kekejaman, kezaliman dan keganasan. Setelah 12 tahun, 1948 hingga 1960, melancarkan pemberontakan bersenjata PKM gagal menubuhkan Republik Demokratik Rakyat Malaya. Kerajaan Persekutuan berjaya mengatasi pemberontakan bersenjata PKM, dan mengisytiharkan darurat tamat pada 1960. Makalah ini merujuk pelbagai sumber, primer tersimpan di Arkib Negara Malaysia, Arkib Kebangsaan United Kingdom, dan Perpustakaan Utama Universiti Malaya, serta bahan sekunder berkaitan topik perbincangan.

Kata kunci: Pemberontakan Bersenjata PKM dan Republik Demokratik Rakyat Malaya

* Abdullah Zakaria bin Ghazali, PhD (Malaya), DMSM, Felo PSM ialah Profesor Emeritus (Universiti Malaya), dan mantan Profesor Jabatan Sejarah, Fakulti Sastera dan Sains Sosial, Universiti Malaya, Kuala Lumpur.

Pendahuluan

Pelajar dan khalayak peminat sejarah Malaysia pelbagai pendapat tentang cita dan hasrat kegiatan PKM di Malaysia, khususnya negeri Melayu dari 1930 hingga 1960. Ada yang menyatakan sebagai pengganas, dan ada pula menyatakan sebagai pejuang, malah sebagai nasionalis. Pelbagai pernyataan ini membawa minat makalah ini untuk menghuraikan dan menyelesaikan pernyataan masalah tersebut. Dengan menggunakan sumber primer yang tersimpan di Arkib Negara Malaysia serta Arkib Kebangsaan United Kingdom, dan sumber sekunder yang tersimpan di perpustakaan, khususnya Perpustakaan Utama, Universiti Malaya, Kuala Lumpur makalah ini membincangkan kegiatan PKM sejak penubuhannya di Kuala Pilah, Negeri Sembilan pada 1930, dan bergiat cergas dalam gerakan bersenjata 1948 hingga 1960 bukanlah pejuang atau nasionalis, tetapi sebagai pengganas. Kegiatan mereka bukan membebaskan Persekutuan Tanah Melayu daripada penjajahan British untuk kemerdekaan, tetapi bercita-cita dan berhasrat menubuhkan negara rakyat, Rebublik Demokratik Rakyat Malaya. Dengan lain perkataan matlamat terakhir pemberontakan bersenjata komunis yang bermula pada 1948 adalah bercita-cita dan berhasrat menjadikan tanah Melayu sebagai sebuah negara rakyat, Republik Demokratik Rakyat Malaya. Namun begitu cita dan hajat PKM tersebut tidak tercapai kerana kejayaan pasukan keselamatan membanteras pemberontakan PKM tersebut.

Sekilas Kisah Penyebaran Fahaman Komunis, Penubuhan dan Perkembangan Parti Komunis di Tanah Melayu.

Pada tahun 1920-an fahaman komunis bertapak di Tanah Melayu adalah cabang Parti Komunis China di bawah arahan Pusat (*Central*) yang beribu pejabat di China. Antara mereka yang memainkan peranan dalam menyebarkan fahaman komunis di Tanah Melayu pada tahun 1925 ialah: Soh Pek Ng (keturunan Cantonese), Mah Yap Peng (keturunan Hailam), Wong Juat Pho (keturunan Hailam), dan Ho Hong Seng (keturunan Hokchiu). Sementara itu terdapat beberapa ahli komunis Indonesia yang memainkan peranan menyebarkan fahaman komunis dalam kalangan orang Melayu. Antaranya Tan Malaka, Alimin, Moeso, Soubakat, dan Winanta.¹ Di samping itu, dalam perkembangan lain, Soh Pek Ng, Mah Yap Peng, Wong Juat Pho, dan Ho Hong Seng juga ada menjalin hubungan dengan pengiat komunis Melayu tempatan, seperti Ali, Ahmad, dan Abdul Karim pada tahun 1928, dan 1929. Tan Malaka berpendapat adalah sukar mewujudkan gerakan prolitariat, dan Alimin pula berpendapat adalah sukar untuk mewujudkan bentuk perjuangan lain di Tanah Melayu kerana orang Melayu berbeza dialek dan adat dengan Indonesia, dan ini menjadi penghalang penyebaran fahaman komunis di Tanah Melayu.

Namun begitu usaha terus dijalankan untuk menyebarkan fahaman komunis dalam kalangan orang Melayu. Pada tahun 1930, Parti Komunis China di Tanah Melayu mengeluarkan risalah propaganda dalam tulisan rumi, dan jawi. Sementara itu Ali yang

1 Tentang penglibatan tokoh komunis Indonesia menyebarkan fahaman komunis di Tanah Melayu pada 1920-an, boleh rujuk, Ho Hui Ling, "Pengaruh Komunis Indonesia Dalam Pergerakan Awal Komunis di Tanah Melayu, 1920-1930", *Purba*, Bilangan 30 – 2011, hlm. 159-178.

rapat dengan Wong Juat Pho, Mah Yap Peng, dan Soh Pek Ngı beberapa kali mengunjungi Sekolah Malam Lok Man, Kampung Baru, dan Lok Teng, Coleman Street, Kuala Lumpur. Dalam pada itu risalah propaganda juga disebar dalam bahasa Tamil dan Melayu oleh Pertubuhan Komunis Cina Johor, Melaka, Seremban, dan Pulau Pinang. Kemudiannya ahli komunis berjaya menubuhkan PKM di Kuala Pilah, Negeri Sembilan pada tahun 1930.² Penubuhan PKM ini hasil persidangan rahsia *Nanyang (South Seas) Communist Party* pada 21 hingga 24 April 1930 di Singapura, dan mesyuarat dengan *Nanyang General Labour Union*. Penubuhan PKM ini menjadi titik tolak penting dalam sejarah fahaman komunis di Tanah Melayu. *Nanyang Communist Party* dan *Nanyang General Labour Union* dibubarkan, dan PKM ditubuhkan. Seterusnya PKM diletakkan di bawah kawalan langsung *Far Eastern Bureau*, dan tidak lagi dikawal oleh Parti Komunis China.³

Pada masa pendudukan Jepun 1941-1945,⁴ menjadi titik peralihan penting dalam sejarah politik Persekutuan Tanah Melayu. Dalam tempoh ini bukan sahaja Tanah Melayu dijajah oleh kuasa baru dari timur, Jepun; tetapi PKM yang haram dan pertubuhan bawah tanah sebelum perang, mendapat status pengiktirafan daripada kerajaan British. PKM bergabung dengan Parti Koumintang Malaya menentang Jepun di Tanah Melayu. Dalam gerakan membantu British menentang Jepun itu, PKM dan Parti Kuomintang Malaya bergiat dalam satu pertubuhan, *Malayan People Anti-Japanese Army* (M.P.A.J.A.). Namun begitu terdapat perbezaan antara dua pertubuhan itu; PKM memakai topi bintang tiga, manakala Parti Kuomintang Malaya memakai topi bintang satu.⁵

M.P.A.J.A. berasal daripada kumpulan ahli komunis yang mendapat latihan dari *101 Special Training School* (101 STS) yang ditubuhkan di Singapura, khusus bagi mengendalikan kursus perang gerila dan sabotaj. Mejar Chapman dilantik sebagai Timbalan Komandan sekolah ini.⁶ 165 orang komunis lepasan 101 STS membentuk empat pasukan yang disebut sebagai Rejimen Pembebasan (*Independent Regiment*). Rejimen Pembebasan Pertama, 15 orang; Rejimen Kedua, 35 orang; Rejimen Ketiga, 60 orang; dan Rejimen Keempat, 55 orang.⁷ Kemudiannya, pada mula penghujung tahun 1942, M.P.A.J.A. menambahkan lagi empat Rejimen Pembebasan: Rejimen Pembebasan Kelima, ditubuhkan pada 1 Disember 1942, bergerak di Perak; Rejimen Keenam, ditubuhkan pada 13 Ogos 1943, bergerak di Pahang Barat; Rejimen Ketujuh, ditubuhkan pada 1 September 1944, bergerak di Pahang Timur, Terengganu, dan Kelantan; dan akhirnya Rejimen Kelapan, ditubuhkan pada awal Ogos 1945, bergerak di Kedah. Tiap-tiap rejimen ini mempunyai antara 400 hingga 500 ahli.⁸

Penglibatan parti komunis ini mempunyai matlamat di sebaliknya. Dalam suatu pengisytiharan yang dibuat oleh Setiausaha Agung PKM, beliau menyatakan hasrat penglibatan

-
- 2 Abdullah Zakaria Ghazali, Ho Hui Ling dan Mahmud Embong, *Darurat di Kelantan, 1948-1960: Pengalaman dan Iktibar*, Kota Bharu: Perbadanan Muzium Negeri Kelantan, 2009, hlm. 134.
 - 3 FCO 141/16835, *Precis of the Basic Paper on the Malayan Communist Party*, hlm. 4.
 - 4 Mengenai pendudukan Jepun sila lihat, Paul H. Kratoska, *The Japanese Occupation of Malaya 1941-1945*, London: Allen & Unwin, 1998. Akashi Yoji, Yoshimura Mako (eds), *New Perspective on the Japanese Occupation in Malaya and Singapore, 1941-1945*, Singapore: National University of Singapore Press, 2008.
 - 5 Ahmad Boestamam, *Memoir Ahmad Boestamam: Merdeka dengan Darah dalam Api*, Bangi: Penerbit Universiti Kebangsaan Malaysia, 2004, hlm. 98.
 - 6 Gene Z. Hanrahan, *The Communist Struggle in Malaya*, Kuala Lumpur: University of Malaya Press, 1971, hlm. 63.
 - 7 Ban Kah Choon and Yap Hong Kuan, *Rehearsal For War: Resistance and the Underground War against the Japanese and the Kempeitai 1941-1945*, Singapore: Horizon Books, 2002, hlm. 103.
 - 8 *Ibid.*, hlm. 117.

tersebut adalah menggunakan kesempatan tawaran yang diberikan oleh British. Melalui penglibatan ini komunis boleh mendedahkan dan menjuruskan parti kepada masyarakat sebagai satu-satu penentang pribumi terhadap Jepun. Juga melalui penglibatan dalam M.P.A.J.A. ini komunis boleh mendekati penduduk tempatan, dan kemudiannya menuntut sebagai penyelamat penduduk tempatan, serta apabila tiba masa sesuai, meminta bantuan mereka menjatuhkan British, dan mewujudkan Republik Rakyat Komunis Malaya (*Communist Peoples' Republic of Malaya*).⁹ Hasrat PKM ini dibuktikan dengan pembentukan di beberapa kawasan tertentu yang didudukinya dengan memperkenalkan pentadbiran seperti rejim komunis berkuasa penuh. Dalam kawasan tersebut rejim komunis membentuk Mahkamah Rakyat, membicarakan mereka yang didakwa bersubahat dengan Jepun, dan ramai dijatuhkan hukuman mati. Dalam pada itu di beberapa daerah, seperti di Batu Pahat, M.P.A.J.A. melancarkan serangan, dan mengakibatkan berlakunya pertempuran dengan orang Melayu.¹⁰

Penguasaan M.P.A.J.A. di hampir 70 peratus Semenanjung Tanah Melayu kerana terdapat kekosongan kuasa selama kira-kira tiga minggu di antara penyerahan Jepun dengan kedatangan semula British. M.P.A.J.A. bertindak demikian setelah mendapat arahan daripada "Pusat" pada 24 Ogos 1945.¹¹ PKM mengibarkan bendera komunis, misalnya di Raub, Pahang, mereka mengibarkan bendera komunis di atas *union jack*. Manakala di Kota Bharu, Kelantan gerila Cina menguasai bandar ini, dan mengisytiharkan mereka berkuasa. Dalam pada itu gerila Cina ini juga menggeledah rumah, merampas barangan penduduk, menyekat jalan raya dan memeriksa kenderaan serta penumpang, dan orang berjalan kaki.¹² Pada 1 Disember 1945, M.P.A.J.A. dibubarkan, dan upacara pembubaran disambut di seluruh negeri. Kemuncak daripada upacara itu Lord Mountbatten menganugerah *Burmah Star* dan *1939-45 Star* kepada 16 ketua M.P.A.J.A. pada 6 Januari 1946. Mereka yang menerima anugerah tersebut ialah Liew Yau, Liao Wei-chung, Chan Yeung Pan, Lao Wang, Tan Fook Lung, Lin Chang, Chen Tian, Siew Lit, Chuang Seng, Wei Chye Sin, Wang Siang Pu, Tan Sian Yau, Bahari, Che Yeop Mahidin, Chin Peng, dan Abdullah bin Taami.¹³

Setelah belasan tahun sejak penubuhannya pada 1930, PKM mengubah strategi dan taktik kegiatan dengan nyata pada Jun 1948. Jika sebelumnya, PKM menjalankan kegiatan menyebarkan fahaman komunis dan melancarkan kegiatan melalui penglibatan pelbagai pertubuhan, dan sekolah di Tanah Melayu. Ketika Raja Melayu dan pertubuhan Melayu menentang Malayan Union, dan ke arah pembentukan Persekutuan Tanah Melayu, komunis terlibat bersama *All Malayan Council of Joint Action*, dan Pusat Tenaga Rakyat (PUTERA),¹⁴

9 Leong Chee Woh, *Scorpio on the dragon's trail*, (tanpa tempat dan penerbit) 2008, hlm. 2.

10 James P. Ongkili, "Darurat dan British, 1948-1960", Khoo Kay Kim dan Adnan Hj. Nawang (penyunting), *Darurat 1948-1960*, Kuala Lumpur: Muzium Angkatan Tentera, 1984, hlm. 6-7.

11 Ban Kah Choon and Yap Hong Kuan, *Rehearsal For War: Resistance and the Underground War against the Japanese and the Kempeitai 1941-1945*, hlm. 169. Tentang gerila MPJA mengambil alih kuasa dan pemerintahan ganas selepas pendudukan Jepun, sila lihat Cheah Boon Kheng, *Red Star Over Malaya: Resistance and Social Conflict During and After The Japanese Occupation, 1941-1946*, (Second Edition), Singapore: Singapore University Press National University of Singapore, 1983, hlm. 148-194.

12 Harry Miller, *Menace in Malaya*, London: George G. Harrap & Co. Ltd., 1954, hlm. 51. Ho Hui Ling, *Darurat 1948-1960: Keadaan Sosial di Tanah Melayu*, Kuala Lumpur: Penerbit Universiti Malaya, 2004, hlm. 11.

13 Ban Kah Choon and Yap Hong Kuan, *Rehearsal For War: Resistance and the Underground War against the Japanese and the Kempeitai 1941-1945*, hlm. 170.

14 Ho Hui Ling, "Kegagalan Gerakan Bersenjata Parti Komunis Malaya (PKM), 1948-60: Satu Analisis", *Malaysia dari segi Sejarah*, Bil. 38-2010, hlm. 82.

cabang Parti Kebangsaan Melayu Malaya¹⁵ bagi menggagalkan butiran syarat draf yang terkandung dalam Perjanjian Persekutuan. Kumpulan ini mengemukakan Perlembagaan Rakyat sebagai pilihan syarat Perjanjian Persekutuan pada 1947. Dalam usaha menjayakan rancangan ini, *hartal* atau mogok ekonomi dilancarkan di seluruh Tanah Melayu pada 19 Oktober 1947, memndesak kerajaan Persekutuan menerima Perlembagaan Rakyat. Usaha ini gagal, kerajaan Persekutuan menolak Perlembagaan tersebut.¹⁶ Seterusnya Persekutuan Tanah Melayu diisytiharkan pada 1 Februari 1948.

Kemudian bagi membendung pengaruh komunis dalam pertubuhan, khususnya Kesatuan Sekerja, kerajaan Persekutuan meluluskan pelbagai undang-undang bagi maksud ini. Misalnya, *Trespass Law, Trade Unions Ordinance No. 9 of 1948*, diluluskan pada 31 Mei 1948; *Trade Unions (Amendments No. 2) Ordinance, 1948*, dikuatkuasa pada 12 Jun 1948. *Trespass Law* diluluskan bagi menegah pemimpin kesatuan sekerja memberi ceramah dan menganjur perjumpaan di kawasan bekerja. Peruntukan yang terkandung dalam *Trade Unions Ordinance No. 9 of 1948* menghadkan kesatuan sekerja berdasarkan perusahaan, perniagaan, pekerjaan, dan pemimpinnya hendaklah bebas daripada kegiatan ugutan serta pemerasan. Seterusnya, *Trade Unions (Amendments No. 2) Ordinance, 1948* pula memperuntukan, pemimpin kesatuan sekerja hendaklah pekerja bergaji dengan perusahaan atau mempunyai sekurang-kurangnya tiga tahun pengalaman bekerja dengan perusahaan berkaitan. Dengan berkuat kuasa ordinan ini menyebabkan terdapat kesatuan sekerja yang gagal memenuhi syarat pendaftaran. Kesatuan berkaitan: Persekutuan Kesatuan Sekerja Negeri Sembilan, Kesatuan Sekerja Am Terengganu, Persekutuan Kesatuan Sekerja Kelantan, Persekutuan Kesatuan Sekerja Pahang Barat, Persekutuan Kesatuan Sekerja Negeri Johor, Persekutuan Kesatuan Sekerja Negeri Perak, Persekutuan Kesatuan Sekerja Pahang Timur, Persekutuan Kesatuan Sekerja Negeri Melaka, Persekutuan Kesatuan Sekerja Negeri Kedah, dan Persekutuan Kesatuan Negeri Selangor. Langkah dan tindakan undang-undang kerajaan Persekutuan terhadap Persekutuan Kesatuan Sekerja ini menyebabkan PKM tidak lagi bebas melaksanakan kegiatan melalui pertubuhan.¹⁷

-
- 15 Parti Kebangsaan Melayu Malaya (PKMM atau *Malay Nationalist Party-MNP*) ditubuhkan di Ipoh, Perak pada 17 Oktober 1945. Presiden pertama, Mokhtaruddin Lasso, dan pada 1946, Naib Presidennya, Dr. Burhanuddin al-Helmy dilantik sebagai Presiden. Ishak Saat, *Radikalisme Melayu Perak 1945-1970*, Pulau Pinang: Penerbit Universiti Sains Malaysia, 2011, hlm. 36-37. Untuk Keterangan lanjut PKMM, boleh rujuk Ramlah Adam, *Gerakan Radikalisme di Malaysia (1938-1965)*, Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka, 2004, hlm. 75-105. Pada suatu ketika pemimpin Jawatankuasa Pusat PKMM di waktu Dr. Burhanuddin al-Helmy sebagai Presiden atau Ketua: Naib Ketua, Ishak Haji Muhammad (Pak Sako); Setiausaha, Musa Ahmad; Bendahari, Taharuddin; Ketua Pemuda, Ahmad Boestamam; Ketua Wanita, Shamsiah Fakeh; Ketua Agama, Ustaz Abu Bakar al-Baqir dan Salleh; Ketua Bahagian Buruh, Abdullah C.D.; Ketua Bahagian Sosial, Shamsuddin Salleh. Abdullah C.D., *Memoir Abdullah C.D., (Bahagian Pertama) Zaman Pergerakan Sehingga 1948*, Petaling Jaya: Strategic Information Research Development (SIRD), 2005, hlm. 216.
 - 16 Abdullah Zakaria Ghazali, "Persekutuan Tanah Melayu Merdeka, 31 Ogos 1957: Liku dan Jejak Perjuangan Patriot dan Nasionalis Menentang British", *Malaysia dari segi Sejarah*, Bil. 40-2012, hlm. 19-20. Abdullah C.D., *Memoir Abdullah C.D. (Bahagian Kedua): Penaja dan Pemimpin Rejomen Ke-10*. Petaling Jaya: Strategic Information and Research Development Centre (SIRD), hlm. 14, mencatatkan *hartal* pada 7 Oktober 1947, dan penjajah British menjadi cemas.
 - 17 Ho Hui Ling, "'Niat Sebenar Komunis di Tanah Melayu': Kempen Memenangi Hati dan Fikiran Penduduk pada Zaman Darurat, 1948-1960", *Purba*, Bilangan 28 – 2009, hlm. 99-100. Ho Hui Ling, "Kegagalan Gerakan Bersenjata Parti Komunis Malaya (PKM), 1948-60: Satu Analisis", hlm. 83.

Mulai Jun 1948, PKM menjelaskan matlamatnya menubuhkan Republik Demokratik Rakyat Malaya dengan melancarkan pemberontakan menangkat senjata. Pada 16 Jun 1948, Komunis membunuh orang pertama, Arthur Walker, pengurus esrer Ephil. Tiga komunis menaiki basikal, memasuki pejabat beliau dan melepaskan tembakan. Dalam kejadian lain, pada hari sama, jarak masa lebih kurang sama, komunis menembak mati pengurus esret Sungai Siput, John Allison, dan penolonngnya Ian Christian.¹⁸ Keganasan komunis di beberapa tempat di Perak dan Johor menyebabkan beberapa daerah di Perak dan Johor doisytihiarkan darurat.¹⁹ Apabila kerajaan Persekutuan mendapati kegiatan PKM bertambah bahaya, pada 18 Jun 1948, seluruh Perak dan Johor diisytiharkan darurat.²⁰ Kemudiannya kerajaan Persekutuan mengisytiharkan darurat seluruh Persekutuan Tanah Melayu pada 18 Jun 1948.²¹

Namun begitu kegiatan komunis mula dikesan sebagai gerakan menentang British (*Malayan People Anti-British Army* – M.P.A.B.A.) sebelum pengisytiharan darurat melalui helaian surat yang dijumpai di dalam sebuah pondok di Gopeng, Perak. Namun begitu pengisytiharan rasmi M.P.A.B.A. ini bermula apabila manifesto M.P.A.B.A. Perak bertarikh 21 Julai 1948 dijumpai setelah pengganas komunis melancarkan serangan terhadap Sungai Siput pada Julai 1948. Bermula dari sini segala kegiatan pengganas dan penjahat (*terrorism* dan *bandit*) menggunakan nama M.P.A.B.A.²² dalam perkembangan seterusnya, pada 23 Julai 1948, kerajaan Persekutuan mengharamkan PKM.²³ Kegiatan pengganas komunis ini menyebabkan Malcolm MacDonald melalui Jawatan Perhubungan Kaum menggalakkan orang Cina menubuhkan *Malayan Chinese Association* (MCA) bagi mempengaruhi orang Cina membantu kerajaan menentang pengganas komunis.²⁴

Dalam pada itu keputusan mesyuarat rahsia yang berlangsung di Kerdau, Pahang; dihadiri oleh Abdullah C.D., Wahi Anuar, Musa Ahmad dan Chin Peng pada bulan Mei 1949, Rejimen ke-10, cabang PKM ditubuhkan pada 21 Mei 1949.²⁵ Rejimen ke-10 adalah cabang PKM orang Melayu. Pimpinan Rejimen ke-10: Abdullah C.D., Komander/Komasaris Politik; Wahi Anuar, Timbalan Komander; Musa Ahmad, Pegawai Politik Rejimen/Pengurus Bekalan;

18 Abdullah Zakaria bin Ghazali, "Penjahat-Penjahat Hapus Semuanya, Kehidupan Kita Tidak Terganggu: Kempen Membanteras Komunis Di Kalangan Orang Melayu", *Malaysia dari segi Sejarah Sejarah*, Bil28 – 2000, hlm. 3.

19 *Utusan Melayu*, Selasa 19 Jun 1949.

20 J.J. Raj, Jr., *The War Years & After*, Subang Jaya: Pelanduk Publications, 2000, hlm. 93.

21 Ho Hui Ling, "Darurat di Tanah Melayu, 1948-1960: Saru Tinjauan Terhadap Masalah dan Langkah Kerajaan Memenangi Sokongan Penduduk di Kawasan Penempatan Semula", *Malaysia dari segi Sejarah*, Bil. 32-2004, hlm. 106. *Utusan Melayu*, Selasa 19 Jun 1948. mencatatkan 19 Jun 1948.

22 *Federation of Malaya (F of M), Annual Report Social and Economic Perak 1948*, hlm. 246-247.

23 Edgar O' Ballance, *Malaya: The Communist Insurgent War, 1948-60*, London: Faber and Faber Limited, 1966, hlm. 82

24 Anwar Abdullah, *Biografi Dato' Onn: Hidup Melayu*, Bangi: Penerbit Universiti Kebangsaan Malaysia, 2004, hlm. 250.

25 Mengenai penubuhan Rejimen ke-10 ini, boleh rujuk Abdullah C.D., *Memoir Abdullah C.D. (Bahagian Kedua): Penaja dan Pemimpin Rejimen Ke-10*, hlm. 72-76; Ibrahim Chik, *Memoir Ibrahim Chik: Dari Api ke Rejimen ke-10*, Bangi: Penerbit Universiti Kebangsaan Malaysia, 2004, hlm. 98; Shamsiah Fakeh, *Memoir Shamsiah Fakeh: Dari AWAS ke Rejimen Ke-10*, Bangi: Penerbit Universiti Kebangsaan Malaysia, 2004, hlm. 65-66. Perkembangan Rejimen ke-10 dari 1949 hingga 1989 dibincangkan dengan baik oleh Mahmud Embong, *Perkembangan Rejimen Ke-10 Melayu, Parti Kpmunis Malaya dari 1949 hingga 1989*, Tesis Doktor Falsafah, Jabatan Sejarah, Fakulti Sastera dan Sains Sosial, Universiti Malaya, Kuala Lumpur, 2009.

Ahmad@Cikgu Salleh Komander Kompeni; Abu Samah, Pegawai Politik Ibu Pejabat; Mat Jelita Komander Platun 1; Mohd. Amin, Timbalan Komander Platun 1; Ibrahim, Pegawai Politik Platun 2; Manaf Jepun, Komander Platun 2; Abdul Latif Timbalan Komander Platun 2; Johan (Cina), Pegawai Politik Platun 2; Asmara Timbalan Komander Platun 3; Rokas, Timbalan Komander Platun 3; Ibrahim Mohamed, Pegawai Politik Platun 3; Idris Majid, Komander Platun 4; Ahmad Razali, Timbalan Komander Platun 4; Dahaman, Pegawai Politik Platun 4; Hasan, Komander Platun 5; Udin, Timbalan Komander Platun 5; Sulaiman Johar, Pegawai Politik Platun 5; Zainab Mahmud, Ketua Bahagian Wanita.²⁶ Rejimen ke-10 melancarkan serangan terhadap balai polis, pasukan keselamatan (polis dan tentera) di Pahang.²⁷ Pasukan keselamatan merujuk Rejimen ke-10 sebagai pengganas komunis. Rejimen ke-10 adalah pasukan komunis Melayu dan melancarkan gerakan di sekitar Kampung Mengkarak, Bera, Chenor, Pesagi, Kinehir dan Batu Bulis.²⁸ Selain Temerloh, komunis seksyen Melayu ini bergiat di Hulu Langat dan Jenderam, Selangor. Laporan menyatakan kedua-dua seksyen komunis Melayu Pahang dan Perak ada membuat hubungan antara satu sama lain. Komunis seksyen Melayu ini dinyatakan sebagai anti-British.²⁹

Pasukan Rejimen ke-10 yang terdiri daripada 60 orang dari Temerloh, Pahang diarahkan berundur (perjalanan jauh) ke Selatan Thailand di atas arahan markas besar TPNM. Pasukan ini diberi nama Hang Jebat, pimpinan Abu Samah Mohd Kassim memulakan perjalanan pada 17 Jun 1953. Pada akhir Februari 1954, pasukan Hang Jebat tiba di Sungai Raya, Perak. Pasukan ini bergabung dengan pasukan pimpinan Rashid Maidin dan Shamsiah Fakeh yang juga akan bersama menyertai perjalanan jauh itu. Pasukan Hang Jebat, mengalami pelbagai halangan dan cabaran, serangan pasukan keselamatan dan kekurangan bekalan makanan, akhirnya tiba di Kampung Hala, Selatan Thailand pada 7 Oktober 1954.³⁰

Pemberontakan yang dicetuskan komunis pada tahun 1948 menimbulkan pelbagai masalah kepada kerajaan Persekutuan, serta kesusahan penduduk Persekutuan Tanah Melayu. Schubungan ini kerajaan Persekutuan mengambil pelbagai langkah untuk menangani pemberontakan komunis ini. Dalam usaha ini, Kerajaan Persekutuan mengisytiharkan darurat di seluruh Persekutuan Tanah Melayu. Siringan itu Undang-undang Darurat diisytihar dan dikuatkuasakan pada 18 Jun 1948, dan berakhir pada 31 Julai 1960.

Cita dan Hasrat Sebenar PKM

Setakat ini pelbagai pendapat mengenai kegiatan PKM di Persekutuan Tanah Melayu, khususnya dari tahun 1948 hingga 1960. Paling terkenal, kegiatan PKM tersebut sebagai pengganas dan nasionalis. Satu perkara yang sangat wajar diambil perhatian, PKM memang

26 Aloysius Chin, *The Communist Party of Malaya: The Inside Story*, hlm. 34.

27 Ibid., hlm. 35-36.

28 Herbert Andrew, *Who Won The Malayan Emergency?* Singapore: Graham Brash, 1995, hlm. 15.

29 CO 537/4763, Communist influences on Malays, "EXTRACT FROM P.M.R. 1 PART II, SECURITY INTELLIGENCE DATED 5th JANUARY, 1949.

30 Tentang perjalanan jauh, antaranya boleh lihat, Mohamed Salleh Lamry, *Abu Samah Kassim: Pejuang Kiri Kemerdekaan Zuriat Datuk Bahaman*, Petaling Jaya: Strategic Information and Research Development Centre (SIRD), 2008, hlm. 113-127; Mohamed Salleh Lamry, *Siti Norkiah Mahmud Srikandi Dari Pahang Utara*, Petaling Jaya: Strategic Information and Research Development Centre (SIRD), 2011, hlm. 62-72.

mengangkat senjata dan mengiystihar menentang penjajah British, serta membebaskan Persekutuan Tanah Melayu daripada penjajah. Persoalannya apakah ini cita dan hasrat kegiatan PKM tersebut? Atau pernyataan tersebut hanya sekadar dakyah politik PKM untuk mendapat simpati dan sokongan penduduk Persekutuan Tanah Melayu? Dengan perkataan lain PKM menyimpan cita dan hasrat sebenar mereka. Sehubungan itu, dalam penyelesaian persoalan kegiatan PKM ini, dua helai risalah PKM yang dirampas oleh pasukan keselamatan dikemuka dan dibincang untuk dikongsi, khususnya bagi menyelesaikan persoalan berkaitan, sama ada kegiatan PKM dari 1949 hingga 1960 itu sebagai kegiatan pengganas atau kegiatan nasionalis. Dua risalah yang dimaksudkan itu: pertama tulisan jawi berjudul “Ringgit siapakah yang dijadikan perbelanjaan perang oleh pejahaj British?”, dan kedua, tulisan rumi berjudul “HAPUS-KAN SEGALA ANJING-ANJING BURUAN PENJAJAH BRITISH”.

Risalah pertama, “Ringgit siapakah yang dijadikan perbelanjaan perang oleh pejahaj British?” adalah ulasan *Suara Rakyat* bertarikh 25 Mac 1949. Dalam risalah ini dicatatkan Henry Gurney sebagai “pembunuh raktyat yang ulung” ketika dalam sidang akhbar dengan wartawan di Kuala Lumpur, 14 Januari 1949, menyatakan kerajaan membelanjakan sejumlah \$270,000 sehari. Pada 10 Februari pula, Henry Gurney menyatakan perbelanjaan sehari perang (melawan komunis) meningkat \$300,000 sehari. Kemudiannya Henry Gurney menegaskan kemungkinan jumlah perbelanjaan tersebut akan meningkat lagi pada bulan Mac, sehingga \$350,000 sehari. Sekiranya perang tersebut berterusan, dapat dijangkakan perbelanjaan sehari akan terus meningkat sehingga \$400,000, \$500,000 dan \$1,000,000. Setelah memaklumkan jumlah perbelanjaan tersebut, PKM mengemukakan pertanyaan, dari mana penjajah British mendapat wang sebanyak itu “...buat membunuh rakyat Malaya itu?”...

Dalam hal ini PKM menjelaskan jumlah wang tersebut tidak didatangkan dari negara mereka, England, tetapi daripada hasil getah dan bijih timah Persekutuan Tanah Melayu (risalah ini mencatatkan Malaya). Penggunaan wang hasil getah dan bijih timah Persekutuan Tanah Melayu ini membuktikan penjajah British “...tidak redha mengeluarkan wang sendirinya untuk mempertahankan perangnya di Malaya”. PKM menyatakan kebenaran tersebut dinyatakan oleh “Rencana Pengarang” akhbar *Straits Times* kepunyaan kaum modal pemjahaj British, bertarikh 14 Mac, dan juga dapat dibuktikan pernyataan Dewan Orang Ramai yang menyebut sehingga 31.12.1948, jumlah perbelajaan angkatan tentera darat, laut, dan udara di Persekutuan Tanah Melayu 635, 000 paun bersamaan \$5,397, 000 wang Persekutuan Tanah Melayu. Jumlah ini masih tidak mencukupi, antaranya untuk perbelanjaan keluarga tentera, pegawai tinggi tentera British yang berulang alik dari London ke Tanah Melayu, membeli minyak kapal terbang, senapang, peluru, roket meriam, membina tempat tahanan, dan “...membunuh rakyat Malaya...”.

Setelah menyatakan kerajaan British menggunakan wang Persekutuan Tanah Melayu, hasil getah dan bijih timah; PKM mempengaruhi penduduk dengan menyatakan wang perbelanjaan perang (membanteras komunis) itu ditanggung penduduk. Dalam rasionalnya, PKM menyatakan mengikut banci penduduk *Federation of Malaya* (Persekutuan Tanah Melayu) berjumlah 4,877,800 orang, tidak termasuk Singapura. Seterusnya PKM menjalankan jarum dakyahnya menyatakan daripada jumlah penduduk tersebut, termasuklah kanak-kanak dalam buaian, tiap-tiap seorang menanggung \$2.00 sehari untuk perbelanjaan perang penjajah British. Dengan itu jelas PKM lagi, jika dalam satu keluarga mempunyai lima orang, bermakna tiap-tiap keluarga akan menanggung \$10.00 sehari untuk perbelanjaan perang. PKM mempengaruhi penduduk lagi, menyatakan “...betapa beratnya beban

rakyat dan betapa bengis pula hisapan penjajah (itu pun akan bertambah-tambah³¹ berat lagi) bagaimana kerugian-kerugian harta benda rakyat yang dibom, dibakar, dirusak binasakan...” oleh “...tentera-tentera dan anjing-anjing penjajah itu”. Seterusnya PKM mempengaruhi penduduk dengan menyatakan penjajah British meninggikan cukai; misalnya cukai pendapatan, harga minyak petrol, bayaran pos penghantaran akhbar dan segala percetakan. Kenaikan cukai dan harga barangan ini dinyatakan oleh PKM untuk perbelanjaan perang. Di samping itu PKM menjelaskan dalam pelaksanaan cukai tersebut pemodal “pembolot” British tidak dikenakan cukai, sebaliknya yang menanggung cukai, pemodal kebangsaan, penduduk bandar dan kaum buruh serta petani Tanah Melayu.

Setelah menjelaskan pelbagai tindakan dan langkah British mendapatkan hasil negeri untuk perbelanjaan perang, PKM menyatakan, “Perjuangan di Malaya adalah peperangan yang berlanjutan, yang mana sudah tentu hari demi sehari hebat dan sengit...”, dan dengan itu penduduk akan mengalami kesusahan hidup, dan kerosakan harta benda. Dengan itu PKM menyeru penduduk Tanah Melayu seperti berikut:

...tidak ada lain jalan lagi melainkan bersatu padu dengan lebih-lebih bulat dan jitu dengan menyatukan tenaga ...dan mengambil tindakan yang berserentak buat menentang...membayar cukai-cukai dengan ketegasan yang sepenuh-penuh dan kepahlawanan yang gagah perkasa tegap... ke dalam revolusi kebangsaan dan sama-sama meruntuhkan penjajah British hanya bila mana penjajah British diluputkan dan negara rakyat yaitu negara Republik Demokratik Rakyat Malaya terbentuk maka seluruh rakyat Malaya akan hidup kesejahteraan buat selama-lamanya.³²

Pernyataan pembentukan Republik Demokratik Rakyat Malaya yang tercatat dalam risalah komunis ini jelas dan tidak dapat disangkal lagi, matlamat terakhir perjuangan anggota PKM adalah satu, pembentukan sebuah negara rakyat, Republik Demokratik Rakyat Malaya. Dengan itu segala dakwaan mereka menentang dan menghalau penjajah British dari bumi Tanah Melayu tidak lain dan tidak bukan propaganda perjuangan mereka semata-mata.³³

Persoalannya, apakah perbelanjaan kerajaan Persekutuan (mengikut risalah, Penjajah British) yang didakwa PKM untuk membunuh rakyat jelata? Atau mengamankan Persekutuan daripada pelbagai serangan terhadap khalayak dan kemudahan awam yang dilakukan oleh PKM? Bagi PKM serangan yang dilakukan itu adalah menghalau penjajah British. Dalam usaha membahaskan persoalan ini, risalah kedua komunis berjudul “HAPUS-KAN SEGALA ANJING-ANJING BRUAN PENJAJAH BRITISH” dirujuk. Dalam risalah ini, PKM menyatakan sejak beratus tahun penduduk Tanah Melayu dijadikan hamba oleh penjajah British. Dengan itu penjajah British menjadi musuh kepada rakyat jelata Malaya, dan hendaklah menghapuskan penjajah British. Seterusnya menanam ideologi “...jika menghalang-halang perjuangan Rakyat jelata dan memberi bantuan ka-

31 Arkib Negara Malaysia no, penerimaan 2006/007820, Captured Communist Documents (naskhah berjilid), Ringgit Siapakah Yang dijadikan Perbelanjaan Perang oleh Penjajah British? (jawi), Ulasan *Suara Rakyat*, press Malaya, 25-3-1949, Seruan Rakyat Pahang Barat, hlm. 1.

32 Ibid., hlm. 2.

33 Ibid., hlm. 1.

pada Penjajah British, ia-itu sudah tentu menjadi musuh ka-pada Rakyat jelata, mesti dihapus-kan dengan tidak ada berma'af lagi". PKM menyatakan penjajah British zalim, kejam dan melakukan keganasan terhadap Rakyat jelata, "...bunuh membunuh, bakar membakar, rumpak merumpak, rugol menregol [merogol]...". Dengan itu PKM menyeru Rakyat jelata membunuh (sapu dan lenyapkan) mereka yang dirujuk sebagai "Anjing-anjing Buruan Penjajah dan tali barut British" yang berkerjasama dengan penjajah British. Kumpulan berkerjasama dengan penjajah British ini hendaklah dihapuskan sama sekali, dan dengan ini tidak ada lagi penghalang perjuangan Rakyat jelata. Dengan itu "...mesti berlipat ganda lagi bersatu padu seperti besi baja, bersama2 Tentera Kebebasan Tanah Air Malaya... menghapus-kan segala Anjing-Anjing Buruan Penjajah British dan menguser [mengusir] Penjajah British keluar dari Malaya. Akhirnya Rakyat Malaya menjadi tuan-nya yang sebenar-benar".³⁴

Kedua Risalah PKM yang dikongsikan itu jelas dan nyata matlamat terakhir perjuangan mereka adalah menubuhkan Republik Demokratik Rakyat Malaya. Dalam merealisasikan perjuangan tersebut mereka melaksanakan propaganda dan dakyah menanam semangat benci dan menentang penjajah British, dan menyokong serta berkerjasama dengan Tentera Kebebasan Tanah Air Malaya. Tentera Kebebasan Tanah Air Malaya adalah cabang perjuangan PKM. PKM menanam fahaman kegiatan mereka, pemberontakan bersenjata itu adalah perjuangan rakyat jelata. Oleh kerana penjajah British menjadikan penduduk Tanah Melayu sebagai hamba, bermakna penjajah British adalah musuh perjuangan rakyat jelata, dan dengan itu mesti dihapuskan. Seterusnya PKM menanam fahaman, tidak kira sama ada Melayu, Cina, India, atau Siam, jika menghalang perjuangan rakyat jelata atau menyokong penjajah British mereka adalah musuh rakyat jelatan, dan "...mesti dihapus-kan dengan tidak berma'af lagi". Selain itu penyokong dan penghalang perjuangan rakyat jelata ini dirujuk PKM sebagai "anjing-anjing buruan penjajah British".

Merealisasikan Cita-cita dan Hasrat

Dalam merealisasikan cita-cita dan hasrat menjadikan negeri Melayu sebagai sebuah negara republik melalui penubuhan Republik Demokratik Rakyat Malaya, bertopengkan perjuangan mementang dan menghalau penjajah British, PKM mengangkat senjata, memberontak melakukan kerosakan, kekejaman, keganasan, dan kezaliman terhadap Persekutuan Tanah Melayu, dan penduduk dari tahun 1948 hingga 1960. Ketika kempen mengangkat senjata, komunis menyebarkan dakyah, perjuangan mereka adalah perjuangan rakyat jelata. Dengan itu penghalang perjuangan rakyat jelata, atau penyokong penjajah British, tidak kira, Melayu, Cina, India, dan Siam adalah musuh perjuangan rakyat jelata, dan sekali gus mestilah dihapuskan.

PKM menyedari perjuangan mereka hampir 20 tahun gagal, dan dengan itu mereka mengambil keputusan menukar dasar dan taktik gerakan. Mulai 1948, PKM mengambil tindakan bersenjata, melancarkan serangan secara terbuka. Matlamat gerakan bersenjata

34 Captured Communist Documents (naskah berjilid), Risalah "Hapus-kan segala Anjing-anjing Buruan Penjajah British", dikeluarkan oleh Pejabat Tentera Kebebasan Tanah air Malaya, Briget yang 5, 1950.

ini dilaungkan dengan jelas untuk menubuhkan Republik Komunis Malaya.³⁵ Dalam usaha mencapai matlamat ini, PKM melancarkan gerakan mereka dalam tiga tahap. Pertama, membantutkan sistem ekonomi British melalui serangan gerila; serangan terhadap balai polis dan pasukan keselamatan. Kedua, mengambil tindakan memaksa pasukan keselamatan kerajaan keluar dari kawasan pendalaman, dan mengisytiharkan sebagai kawasan bebas yang dikawal PKM. Ketiga, dan terakhir menguasai Tanah Melayu.³⁶ Pada tahap awal, PKM menubuhkan Pasukan Gerak Khas (*Lau Tong Tui*) dengan matlamat utamanya membunuh. Sehubungan itu PKM juga mengambil langkah memusnah dokumen, termasuk senarai nama ahli, dan bergerak di hutan. Satu hal yang penting, segala arahan ini dilakukan secara lisan.³⁷

Pada 1948, pemimpin utama PKM, selaku Setiausaha Agung ialah Chin Peng. Beliau dibantu oleh Yeung Khwo dan Lau Lee. Pada 1 Januari 1948, PKM menukar nama tentera pemberontaknya kepada *Malayan Races Liberation Army* (MRLA). PKM berharap dengan penukaran nama ini akan dapat menarik dan mempengaruhi orang India dan Melayu menyertai gerakan PKM. Pada satu ketika, MRLA mempunyai kekuatan 4,000 orang, dan dibahagikan kepada 10 regimen. Manakala senjata yang digunakan pula terdiri daripada raifel, mortar dan pistol otomatik. Senjata yang digunakan ini adalah senjata digunakan MPAJA, dan digugurkan dalam hutan oleh tentera British kepada Pasukan 136 (*Force 136*); dan juga senjata yang ditinggalkan tentera Jepun. Dalam pada itu MRLA ini mendapat bantuan daripada Gerakan Rakyat (*Min Yuen*) yang beroperasi di kampung setinggian orang Cina. Antara bentuk bantuan: maklumat, dadah, tenaga manusia dan wang.³⁸

Cita dan hajat menubuhkan Rebutlik Demokratik Rakyat Malaya dirancang dengan mewujudkan kawasan bebas. Mulai 1948 jawatankuasa pusat PKM meluluskan rancangan pembentukan kawasan. Gua Musang, Kelantan dipilih sebagai kawasan pertama memulakan rancangan ini. Pemilihan ini berdasarkan Gua Musang ketika pendudukan Jepun sebagai kubu kuat kegiatan komunis. Dengan itu pada 1948, sekumpulan anggota PKM berpengalaman, kira-kira 100 orang³⁹ yang berpusat di Cameron Highland pimpinan Kim Siong (dikenali juga dengan nama Soon Chin Sip) bergerak ke Gua Musang, Kelantan. Kumpulan ini menyerang dan menguasai Gua Musang pada 17 Julai 1948. Seiringan

-
- 35 Abdullah Zakaria bin Ghazali, "Penjahat-Penjahat Hapus Semuanya, Kehidupan Kita Tidak Terganggu: Kempen Membanteras Komunis Di Kalangan Orang Melayu", *Malaysia Dari Segi Sejarah*, Bil. 28-2000, hlm. 2. S.U.K. J. 441/1949, Issue of facts and advice to Malays in Kampung under the present emergency period (seterusnya diringkaskan sebagai S.U.K. J. 441/1949, IFAME), Risalah No. 85, "Satu Tahun Huru-Hara", Pejabat Perhubungan Raya, Persekutuan Tanah Melayu, Kuala Lumpur.
- 36 Gene Z. Hanrahan, *The Communist Struggle in Malaya*, Kuala Lumpur: Oxford University Press, 1971, hlm. 109. Francis Mellersh, "The Campaign Against the Terrorist in Malaya", *Royal United Service Institution Journal*, Vol. 96, London, August 1951, hlm. 404.
- 37 Anthony Short, *The Communist Insurrection in Malaya 1948-1960*, London: Frederick Muller Limited, 1975, hlm. 95-96.
- 38 Abdullah Zakaria bin Ghazali, "Penjahat-penjahat Hapus Semuanya Kehidupan Kita Tidak Terganggu: Kempen Membanteras Komunis Di kalangan Orang Melayu", hlm. 3-4. Francis Mellerch, "The Campaign Against the Terrorist in Malaya", hlm. 403.
- 39 Abdullah Zakaria bin Ghazali, "Pertempuran di antara pasukan keselamatan dengan penganas komunis di Kelantan sepanjang tempoh darurat, 1948-1960", Abdullah Zakaria Ghazali (editor), *Warisan Kelantan XXXI*, Kota Bharu: Perbadanan Muzium Negeri Kelantan, 2012, hlm. 135. Terdapat sumber mencatatkan 150 (Abdullah Zakaria Ghazali, Ho Hui Ling dan Mahmud Embong, *Darurat di Kelantan 1948-1960: Pengalaman dan Iktibar*, hlm. 73), dan Kelantan WEC Conf. 306/57, "Home Guard – Confidential Miscellaneous – Brief History of the Home Guard, Kelantan.

kejayaan ini, Gua Musang diisytiharkan sebagai kawasan bebas yang pertama, dan berpusat di Pulau. Langkah dan tindakan ini adalah mematuhi kertas dasar Mao (Mao Tse Tung) dalam revolusi perang, dan matlamat terakhir menubuhkan Republik Demokratik Rakyat Malaya (*People's Democratic Republic of Malaya*).⁴⁰ Republik yang diisytiharkan oleh Soon Chin Sip ini hanya bertahan lima hari sahaja. Pusat komunis di Pulau ditawan pasukan keselamatan, dan kira-kira 131 orang penduduk yang membantu anggota PKM menyerang Gua Musang pada 17 Julai 1948 ditahan.⁴¹ Selain itu pasukan keselamatan merampas senjata, peluru, bom tangan dan bom mortar, serta menahan Soon Chin Sip. Soon Chin Sip didapati bersalah, dijatuhkan hukum gantung sampai mati; dilaksanakan pada Februari 1949.⁴² Pasukan keselamatan mengambil masa lima hari dalam pertempuran berlanjutan sebelum mengalahkan anggota komunis, dan menduduki kembali Gua Musang pada jam 4 pagi, 22 Julai 1948.⁴³

Dengan semangat mencapai cita-cita ini pengganas komunis menjalankan serangan dan membunuh tiga orang peladang Eropah di Sungai Siput, Perak pada 16 Jun 1948. Mangsa pertama ialah Arthur Walker pengurus ladang Ephel Estate. Tiga orang Cina datang dengan basikal, terus memasuki pejabat Arthur Walker dan melepaskan tembakan. Arthur Walker dibunuh di dalam pejabatnya. Mangsa seterusnya, kira-kira dalam jam yang sama, pengurus Sungai Siput Estate, John Allison dan pembantunya Ian Christian. Kedua-duanya ditembak mati di ladang Sungai Siput. Keadaan ini mencemaskan kerajaan Persekutuan kerana pihak berkuasa tidak dapat menentukan bila dan di mana komunis akan bertindak seterusnya. *The Incorporated Society of Planters* mendesak Pesuruhjaya Tinggi dan Pesuruhjaya Polis mengambil tindakan dengan segera dan mencadangkan mengambil tindakan pemerintahan tentera.⁴⁴ Komunis gerakan PKM dari 17 Mei hingga 7 Jun 1948 komunis membunuh 12 orang, termasuk beberapa pengurus ladang.⁴⁵ Pesuruhjaya Polis H.B. Langworthy pada peringkat awal gagal mempengaruhi Pesuruhjaya Tinggi Sir Edward Gent tentang merbahayanya kegiatan Komunis. Namun begitu apabila 3 orang Cina penyokong Koumintang dan 3 orang peladang Eropah dibunuh, beberapa daerah dalam negeri Perak dan Johor diisytiharkan darurat.⁴⁶ Seterusnya Edward Gent mengisytiharkan darurat pada 18 Jun 1948 bagi seluruh negeri Perak dan Johor.⁴⁷ Kemudiannya pengisytiharan darurat

40 Abdullah Zakaria bin Ghazali, "Pemberontakan dan Pembanterasan Komunis di Kelantan, 1948-1960", *Purba*, Jurnal Persatuan Muzium Malaysia, bilangan 29-2010, hlm. 143. C.C. Chin and Karl Hack (edited), *Dialogues with Chin Peng: New Light on the Malayan Communist Party*, Singapore: Singapore University Press, 2004, hlm. 144. Chin Peng, *My Side of History*, Singapore: Media Masters, 2003, hlm. 238.

41 Chronology of important event during the emergency in Malaya for the period June 1948 to 30 June 1949, hlm. 5. Fail Setiausaha Kerajaan Selangor 2114/1949, Chronology of important event during the emergency.

42 Ho Hui Ling, "Kegiatan Komunis di negeri Kelantan pada zaman darurat, 1948-1960: Satu Tinjauan", Abdullah Zakaria Ghazali & Zahir Ahmad (editor), *Kelantan dahulu dan sekarang*, Kuala Lumpur: Persatuan Muzium Malaysia, 2007, hlm. 212.

43 Kelantan WEC Conf. No. 306/57, "Home Guard – Confidential Miscellaneous – Brief History of the Home Guard, Kelantan". Chin Peng, *My Side of History*, hlm. 232. Abdullah Zakaria bin Ghazali, "Pertempuran di antara pasukan keselamatan dengan pengganas komunis di Kelantan sepanjang tempoh darurat, 1948-1960", hlm. 136.

44 J.J. Raj. Jr., *The War Years & After*, hlm. 92.

45 Yuen Yuet Leng, *Operation Ginger*, hlm. 5.

46 *Utusan Melayu*, Sabtu 19 Jun 1949.

47 J.J. Raj. Jr., *The War Years & After*, hlm. 93. Ho Hui Ling, *Pembanterasan Komunis di Tanah Melayu*, Kuala Lumpur: Penerbit Universiti Malaya, 2010, hlm. 53.

diluaskan lagi ke seluruh Persekutuan Tanah Melayu pada 19 Jun 1948.⁴⁸ Walaupun begitu PKM hanya diisytiharkan haram pada 23 Julai 1948.⁴⁹ Dari bulan Mei hingga Oktober 1948, 13 orang peladang Eropah dibunuh oleh komunis. Manakala dari bulan November 1948 hingga April 1949, lima orang lagi dibunuh oleh komunis.⁵⁰ Pada 27 Jun 1948, komunis menyerang balai polis Kuala Krau, Pahang.⁵¹

Walaupun biro politik PKM dianggotai oleh beberapa orang tetapi ia dikuasa oleh tiga orang: Chin Peng, setiausaha agong; Yeung Kwo dan Lau Lee. Pada 1 Februari 1948 PKM menukar tentera pemberontak kepada MRLA,

Dalam kegiatannya, komunis juga mengugut dan menuntut wang perlindungan daripada orang ramai. Daripada jumlah mereka yang membayar wang perlindungan kepada penjahat komunis terdapat 35 orang hartawan dari Melaka, Muar dan Johor memberi bantuan kewangan kepada komunis.⁵² Komunis juga melancarkan serangan di beberapa tempat, termasuklah terhadap pasukan polis, tentera kerajaan dan penduduk kampung.⁵³

Pada Julai 1948, empat orang polis Melayu Negeri Sembilan dibunuh oleh 20-30 orang pengganas komunis di batu 30, Kuala Lumpur.⁵⁴ Dalam bulan Julai 1948 juga pengganas komunis membunuh seorang kanak-kanak lelaki berbangsa Eropah di Kampung Kechau, Kajang, Selangor. Pada 13 Julai 1948, Kampung Hulu Yam, Selangor diserang oleh komunis. Serangan ini mengakibatkan empat orang Cina terbunuh dan dua orang mengalami kecederaan.⁵⁵ Pada 26 Julai 1948, komunis membakar rumah di Kampung Remis, Setiawan, Perak. Keganasan komunis ini mengakibatkan hampir separuh kampung tersebut terbakar, dan kira-kira 500 penduduk kehilangan tempat tinggal dan kemusnahan harta benda.⁵⁶ Pada 28 Julai 1948, seorang Melayu berumur 60 tahun ditembak mati di Kampung Kerdau, Mentakab, Pahang oleh kejumpuan 20 pengganas komunis.⁵⁷ Di samping itu orang Eropah juga menjadi mangsa kekeganasan komunis. Pada 4 Ogos 1948, K.W. Burnham, pengurus Estet Bukit Sidim, Kulim, Kedah dibunuh oleh komunis. Seterusnya pada 20 Ogos 1948, komunis menyerang Estet Sembarong Layang-Layang, Johor, membunuh timbalan pengurus J.L. Boden, dua kanak-kanak Melayu, dan dua mata-mata khas.⁵⁸ Pada 17 Ogos

48 *Utusan Melayu*, Sabtu 19 Jun 1949.

49 Edgar O' Ballance, *Malaya: The Communist Insurgent War, 1948-60*, hlm. 82.

50 Nicholas J. White, *Business, Government, and The End of Empire Malaya, 1942-1957*, Kuala Lumpur: Oxford University Press, 1996, hlm. 107.

51 Anthony Short, *The Communist Insurrection in Malaya 1948-1960*, hlm. 96.

52 SUK. J., 441/1949, Risalah No. 55, "Kerajaan Mengambil Langkah Yang Keras Kepada Siapa-Siapa Yang Membayar Wang Perlindungan Kepada Penjahat", Pejabat Perhubungan Raya, Persekutuan Tanah Melayu, Kuala Lumpur.

53 SUK. J. 441/1949, IFAME, Risalah No. 67, "Penganas-Penganas komunis sudah teruk bantulah kerajaan supaya lekas mereka dikuburkan", Pejabat Perhubungan Raya, Persekutuan Tanah Melayu, Kuala Lumpur.

54 Ho Hui Ling, *Keadaan Sosial Di Tanah Melayu, 1948-1960*, Tesis Ph.D., Universiti Malaya, Kuala Lumpur, 2002, hlm. 125.

55 *Ibid.*, hlm. 107.

56 Ho Hui Ling, "Chin Peng dan Perjuangan Parti Komunis Malaya (PKM), 1930-1989", *Purba*, Bilangan 36 – 2017, hlm. 140. Ho Hui Ling, "Pergerakan Komunis di Negeri Perak, 1920-an hingga 1960", *Malaysia dari segi Sejarah*, Bil. 40-2011, hlm. 110.

57 Ho Hui Ling, *Darurat 1948-1960: Keadaan Sosial di Tanah Melayu*, hlm. 53.. Ho Hui Ling, *Darurat 1948-1960: Keadaan Sosial di Tanah Melayu*, Cetakan Kedua, hlm.53.

58 Ho Hui Ling, *Darurat 1948-1960: Keadaan Sosial di Tanah Melayu*, hlm. 59. Ho Hui Ling, *Darurat 1948-1960: Keadaan Sosial di Tanah Melayu*, Cetakan Kedua, hlm. 59.

1948, pengganas komunis menembak mati Chow Yat Wah, penjual sayur keturunan kantonis di Pasar Semenyih, Selangor kerana tidak mahu berkerjasama dengan komunis.⁵⁹ Pada 25 Ogos 1948, komunis meletupkan jalan kereta api sepanjang lapan batu ke utara perhentian Bahau.⁶⁰

Pada 11 September 1948, pengganas komunis menyerang estet getah di Rawang, Selangor dan menembak mati seorang penolong pengurus estet.⁶¹ Pada 15 September 1948, pengganas komunis menembak mati William Walter Archer, kakitangan Rawang *The Fields Limited* di Rawang, Selangor.⁶² Pada 20 September 1948, dua orang askar Melayu terbunuh, dan tiga lagi cedera parah akibat serangan pengganas komunis di Batu 31, Jalan Kuala Lipis-Kuantan.⁶³ Pada 1 Oktober 1948, pengganas komunis mengebom pejabat akhbar Kin Kwok, di Ipoh, Perak, dan mengakibatkan wartawan Lam Yeah terbunuh, dan empat orang kerani mengalami kecederaan.⁶⁴ Seterusnya pada 14 Oktober 1948, K.G. Jenkins, pekerja di Lombong Timah Renong, Gombak, Selangor ditembak oleh pengganas komunis di atas katil rumah kongsi di situ.⁶⁵ Pada 2 November 1948, pengganas komunis membakar rumah di estet getah di Cheras, Kuala Lumpur.⁶⁶ Juga pada 2 November 1948, rumah asap dan stor Estet Dominion, berhampiran Kampung Kechau dibakar oleh pengganas komunis.⁶⁷ Pada 8 November 1948, pengganas komunis menembak mati Norman Searson, penolong estet Rasa, Kuala Kubu ketika bermotosikal membuat rondaan dalam estet berkenaan.⁶⁸ Pada 15 November 1948, Abdullah C.D. memimpin sekumpulan anggota tentera Melayu PKM menyerbu estet Gong, Pahang. Beliau meminta menyerahkan senjata yang ada, dan bekerjasama dengan mereka.⁶⁹ Pada 17 November 1948, sekumpulan antara 20 hingga 30 komunis menyerang empat nelayan Melayu sedang menangkap ikan di Setiawan, Perak. Serangan ini menyebabkan dua nelayan terbunuh, dan dua lagi mengalami kecederaan.⁷⁰ Pada 29 November 1948, pengganas komunis menggelincirkan gerabak kereta api panduan di Rawang, Selangor yang menyebabkan 2 orang kakitangan kereta api tersebut mengalami kecederaan. Dalam kejadian ini kereta api panduan sedang mengiringi kereta api dalam perjalanan dari Kuala Lumpur ke Pulau Pinang.⁷¹

-
- 59 SUK. Sel. 44/1948, Monthly Report on the State of Crime in Selangor, 1948. Ho Hui Ling, Keadaan Sosial Di Tanah Melayu, 1948-1960, hlm. 112.
- 60 Ho Hui Ling, "Perkembangan Pergerakan Komunis dan Parti Komunis Malaya (PKM) di Negeri Sembilan, 1920-1960", hlm. 109.
- 61 Ho Hui Ling, Keadaan Sosial Di Tanah Melayu, 1948-1960, hlm. 138.
- 62 Ibid., hlm. 148. Ho Hui Ling, *Darurat 1948-1960: Keadaan Sosial di Tanah Melayu*, hlm. 54. Ho Uui Ling, *Darurat 1948-1960: Keadaan Sosial di Tanah Melayu*, Cetakan Kedua, hlm. 54.
- 63 Ho Hui Ling, *Darurat 1948-1960: Keadaan Sosial di Tanah Melayu*, hlm. 61. Ho Hui Ling, *Darurat 1948-1960: Keadaan Sosial di Tanah Melayu*, Cetakan Kedua, hlm. 61.
- 64 Ho Hui Ling, *Darurat 1948-1960: Keadaan Sosial di Tanah Melayu*, hlm. 43-44. Ho Hui Ling, *Darurat 1948-1960: Keadaan Sosial di Tanah Melayu*, Cetakan Kedua, hlm. 43-44.
- 65 Ho Hui Ling, Keadaan Sosial Di Tanah Melayu, 1948-1960, hlm. 142.
- 66 Ibid., hlm. 148.
- 67 SUK. Sel. 2114/1949, Chronology of Importance Events During the Emergency in Malaya for the period June 1948 to June 30th 1949, hlm. 7.
- 68 Ho Hui Ling, Keadaan Sosial Di Tanah Melayu, 1948-1960, hlm. 138.
- 69 Abdullah C.D., *Memoir Abdullah C.D. (Bahagian Kedua): Penaja dan Pemimpin Rejomen Ke-10*, hlm. 52.
- 70 Ho Hui Ling, "Pergerakan Komunis di Negeri Perak, 1920-an hingga 1960", *Malaysia dari segi Sejarah*, Bil. 40-2011, hlm. 109.
- 71 Ho Hui Ling, Keadaan Sosial Di Tanah Melayu, 1948-1960, hlm. 433.

Pada 10 Disember 1948, pengganas komunis menyerang sebuah lori di jalan Kuala Kubu, Selangor. Dalam serangan tersebut pemandu cedera parah. Lori ini dalam perjalanan dari Ipoh ke Singapura.⁷² Pada 14 Disember 1948, pengganas komunis melontar sebutir bom tangan ke dalam sebuah kedai milik orang Cina di pekan Bahau, Negeri Sembilan menyebabkan pemilik serta pembantunya mengalami kecederaan.⁷³ Pada 15 Disember 1948, Estet Sungai Selangor, di Kuala Selangor diserang oleh pengganas komunis. Dalam serangan ini empat orang polis khas terbunuh.⁷⁴ Pada 18 Disember 1948, segerombolah komunis bersenjatakan raifel menyerang lombong Syarikat Kajang Mining Kemaman. Dalam serangan ini pengurus lombong, Haji Wan Ngah bin Wan Mohamed terkorban.⁷⁵

Pada 12 Januari 1949, komunis menembak mati seorang Cina dan mencederakan seorang Cina di Puchong, Kuala Lumpur.⁷⁶ Pada 19 Januari 1949, pegawai haiwan Temerloh, Abdullah bersama 11 kakitangan ditembak dan dibakar oleh pengganas komunis di Batu 7, Bentong, Pahang.⁷⁷ Pada 25 Januari 1949, sebuah kereta api milik Syarikat Perlombongan Arang Batu Tanah Melayu digelincirkan oleh 30 hingga 50 orang pengganas komunis di Batu Arang, Selangor. Kereta api ini membawa kira-kira 50 orang penumpang, kayu balak, dan enjin.⁷⁸ Pada 29 Januari 1949, pengganas komunis menembak seorang mekanik keturunan Eropah di Batu Arang, Selangor.⁷⁹ Pada 9 Mac 1949, pengganas komunis menahan sebuah bas di batu 27, Jalan Kepung-Kuala Selangor, kemudiannya bas ini dibakar.⁸⁰ Pada 22 Mac 1949, pengganas komunis membunuh seorang tukang masak Cina di Rumah Kongsi Kim Chin Hoe Saw, batu 22, jalan Banting, Selangor kerana enggan berkerjasama dengan komunis.⁸¹

Pada 9 April 1949, 10 orang pengganas komunis menahan dan membakar lori yang membawa susu getah di Estet Sydney, Kajang Selangor. Pada Mei 1949, pengganas komunis menahan sebuah bas dalam perjalanan di Kuala Lumpur. Dalam kejadian ini seorang penumpang ditarik keluar dan dibunuh. Sementara itu dalam kejadian lain, kira-kira 40 orang pengganas komunis merampas bas dua tingkat dalam perjalanan ke kawasan perkuburan di Cheras, Kuala Lumpur. Pengganas memandu bas ini ke kawasan perkuburan. Kemudiannya mengarahkan pemandu, konduktor, dan dua orang penumpang turun dari bas tersebut sebelum dibakar. Selain itu pada 24 Julai 1949, pengganas komunis menyerang

72 Ibid., hlm. 452.

73 Ho Hui Ling, "Perkembangan Pergerakan Komunis dan Parti Komunis Malaya (PKM) di Negeri Sembilan, 1920-1960", *Malaysia dari segi Sejarah*, Bil. 42-2014, hlm. 106. Ho Hui Ling, *Darurat 1948-1960: Keadaan Sosial di Tanah Melayu*, hlm. 44. Ho Hui Ling, *Darurat 1948-1960: Keadaan Sosial di Tanah Melayu*, Cetakan Kedua, hlm. 44.

74 Ho Hui Ling, *Keadaan Sosial Di Tanah Melayu, 1948-1960*, hlm. 149.

75 Pejabat Daerah Kemaman, Siri A.O.E. 217/49, "Wan Mek bt Wan Ali Claims a) Mandak bte Omar b) Wan Mek binti Ali Under Emergency Regulation 2/8/1949 – 25/1/1950, terlampir Salinan report Wan Salleh bin Wan Abdullah, 19.12.1948.

76 Ho Hui Ling, *Keadaan Sosial Di Tanah Melayu, 1948-1960*, hlm. 108.

77 Ho Hui Ling, *Darurat 1948-1960: Keadaan Sosial di Tanah Melayu*, hlm. 54. Ho Hui Ling, *Darurat 1948-1960: Keadaan Sosial di Tanah Melayu*, Cetakan Kedua, hlm. 54.

78 Ho Hui Ling, *Keadaan Sosial Di Tanah Melayu, 1948-1960*, hlm. 434.

79 Ibid., hlm. 143.

80 Ibid., hlm. 452.

81 SUK. Sel. 170/49, Weekly and Monthly Reports on the State of Crime in Selangor, 1949. Ho Hui Ling, *Keadaan Sosial Di Tanah Melayu, 1948-1960*, hlm. 113.

sebuah bas dalam perjalanan di jalan Selayang, Kuala Lumpur. Walaupun penumpang tidak dcederakan, tetapi bas tersebut dibakar.⁸² Pada 12 Ogos 1949, dua orang pengganas komunis memasuki rumah di Estet Jany, Selangor, mengambil wang tunai dan barang kemas bernilai 1,000 ringgit.⁸³

Pada 17 Ogos 1949, pengganas komunis melontar bom tangan ke rumah seorang doktor Cina di Kulim, Kedah. Ledakan bom tangan ini menyebabkan seorang kanak-kanak mengalami kecederaan.⁸⁴ Pada 23 Ogos 1949, pengganas komunis merosakkan paip air sepanjang dua batu (3.22 kilometer) di Kajang, Selangor. Kesan perbuatan kejam komunis ini menyebabkan kerajaan mengambil air Sungai Jeloh, Kajang untuk menampung kegunaan penduduk Kajang.⁸⁵ Komunis terus mengganas. Pada 26 Oktober 1949, pengganas komunis melontar bom tangan terhadap sebuah kedai di jalan utama, Karak, Pahang. Keganasan kpmunis ini menyebabkan tiga orang wanita Cina terbunuh, dua lelaki, seorang wanita dan empat kanak-kanak mengalami kecederaan. Komunis juga melontar bom tangan terhadap sebuah kedai Cina di Pulau Pinang pada 17 November 1949. Lontaran bom ini menyebabkan dua orang pekedai mengalami kecederaan.⁸⁶ Pada 20 November 1949, komunis merosakkan wayar telefon di beberapa tempat di Tapah, Perak. Sabotaj komunis ini menyebabkan perkhidmatan telefon balai polis Tapah, Tanah Mas, Bidor, dan Tanjung Malim terputus.⁸⁷ Pada 6 Disember 1949, komunis melempar bom tangan terhadap kedai ubat Cina di Kuala Pilah, Negeri Sembilan, dan mengakibatkan dua orang mengalami kecederaan.⁸⁸ Pada 10 Disember 1949, kira-kira 100 komunis meletupkan jalan kereta api dengan bahan dinamit di Batu 38, di antara Ayer Hitam dengan Kemayan, Bahau, Negeri Sembilan, dan menyerang kereta api yang tergelincir. Dalam sabotaj, dan serangan ini seorang pengawal kereta api keturunan Melayu dan seorang penumpang keturunan Cina terbunuh.⁸⁹ Seterusnya pengganas komunis memasang jerangkap samar ketika upacara pengebumian pada 23 Disember 1949 di perkuburan Cina, batu 3½, Jalan Gopeng, Ipoh, Perak. Jerangkap samar ini mengakibatkan tiga terbunuh, dan 23 cedera.⁹⁰

Dalam pada itu pengganas komunis juga bertindak terhadap orang asli. Misalnya, Batin Kan yang tinggal di Estet Lanchang, Pahang dibunuh pada tahun 1950.⁹¹ Batin Kuning, ketua suku Jah Hut di Bukit Kuin, Kerdu diculik pada tahun 1950.⁹² Sementara

82 Ho Hui Ling, *Keadaan Sosial Di Tanah Melayu, 1948-1960*, hlm. 452.

83 Wahba, *Baling: Membuka Jalan Damai*, Selangor: Masa Enterprise, 1994, hlm. 135. Wan Hamzah Awang, *Detik Sejarah Rundingan Baling*, Kuala Lumpur: Utusan Publications & Distributors Sdn. Bhd., 1985, hlm. 127. Ho Hui Ling, *Keadaan Sosial Di Tanah Melayu, 1948-1960*, hlm. 151.

84 Ho Hui Ling, *Darurat 1948-1960: Keadaan Sosial di Tanah Melayu*, hlm. 44. Ho Hui Ling, *Darurat 1948-1960: Keadaan Sosial dTanah Melayu*, Cetakan Kedua, hlm. 44.

85 C.O. 717/173, Law and Order, Weeking Situation Reports From the Federation, hlm. 98.

86 Ho Hui Ling, *Darurat 1948-1960: Keadaan Sosial di Tanah Melayu*, hlm. 44. Ho Hui Ling, *Darurat 1948-1960: Keadaan Sosial di Tanah Melayu*, Cetakan Kedua, hlm. 44.

87 Ho Hui Ling, "Pergerakan Komunis di Negeri Perak, 1920-an hingga 1960", hlm. 115.

88 Ho Hui Ling, "Perkembangan Pergerakan Komunis dan Parti Komunis Malaya (PKM) di Negeri Sembilan, 1920-1960", hlm. 106.

89 Ibid., hlm. 109-110.

90 Ho Hui Ling, *Darurat 1948-1960: Keadaan Sosial di Tanah Melayu*, hlm. 44. Ho Hui Ling, *Darurat 1948-1960: Keadaan Sosial di Tanah Melayu*, Cetakan Kedua, hlm. 44.

91 PDT 92/50, Pegawai Daerah Temerloh (D.C.I. Wernham) kepada Pegawai Polis Daerah (O.C.P.D.) Mentekab, 2 Ogos 1950.

92 PDT 92/50, Penasihat Orang Asli Persekutuan Tanah Melayu (P.D. Rider Williams-Hunt) kepada Timbalan Ketua Setiausaha Persekutuan, 31 Januari 1950.

itu, dalam kejadian lain, pada 5 Januari 1950, pengganas komunis menyerang Kampung Kongkoi, Jelevu, Negeri Sembilan. Serangan ini mengakibatkan penghulu, kerani, dan ayah kerani terbunuh. Dalam pada itu komunis merampas enam senapang patah, dan sepucuk pistol, serta membakar rumah penghulu. Pengganas komunis terus bertindak.⁹³ Pada 4 Februari 1950, 70 komunis membakar Kampung Simpang Tiga, Setiawan, Perak, mengkaibatkan dua terkoban, dan kira-kira 1,000 penduduk kehilangan tempat tinggal.⁹⁴ Pada 20 Februari 1950, komunis memotong wayar telefon menghubungi Tapah dengan Tanjung Tualang menyebabkan perkhidmatan telefon terputus.⁹⁵ Pada 22 Februari 1950, segerombolan 185 pengganas komunis nelancarkan serangan terhadap balai polis Bukit Kepong, Muar, Johor. Serangan kejam ini mengakibatkan 23 anggota polis, dan keluarga terbunuh. Juga balai polis Bukit Kepong dibakar hangus.⁹⁶ Pada 23 Februari 1950. 50 komunis menyerang Estet Kingsmead, Pahang. Dalam serangan ini, komunis membakar bangunan estet, dan membunuh seorang kerani India di estet tersebut.⁹⁷ Pada 5 Mac 1950, pengganas komunis merosakkan talian telefon di batu 25, jalan Semenyih dengan Borga, Kajang, Selangor.⁹⁸ Dalam pada itu komunis juga melakukan keganasan terhadap orang Asli. Pada 14 Mac 1950, lima komunis menarik keluar seorang pekerja orang Asli di rumah kongsi Estet Lanchang, Mentakab, Pahang, diikat dengan rotan, dan ditembak mati. ⁹⁹ Pada 1 April 1950, seramai sepuluh orang pengganas komunis memasuki Kampung Damansara dan melepaskan tembakan di sini. Akibatnya empat orang Cina terbunuh dan empat orang cedera.¹⁰⁰ Pada 16 April 1950, sebuah bas ditahan dan dibakar oleh lima orang pengganas komunis di batu 10, jalan Kajang-Puchong, Selangor. Pengganas ini merampas kad pengenalan penumpang.¹⁰¹ Pada 26 April 1950, dua orang pengganas komunis, masing-masing melontar dua butir bom tangan terhadap sebuah kedai kopi di jalan Batu, Kuala Lumpur. Dalam kejadian ini, walaupun hanya sebutir bom meletup, menyebabkan seorang kontraktor Cina cedera parah; enam orang Cina cedera ringan.¹⁰² Pada Mei 1950, paip air di pekan Kajang dirosakkan oleh pengganas komunis. Akibatnya penduduk pekan Kajang terpaksa menggunakan air hujan dan air sungai.¹⁰³ Pada 4 Mei 1950, pukul 6.30 petang 12 pengganas komunis merampas barang dan wang tunai di kedai Lim Bong Twee di Kampung

-
- 93 Ho Hui Ling, "Perkembangan Pergerakan Komunis dan Parti Komunis Malaya (PKM) di Negeri Sembilan, 1920-1960", hlm. 106. Ho Hui Ling, *Darurat 1948-1960: Keadaan Sosial di Tanah Melayu*, hlm. 54. Ho Hui Ling, *Darurat 1948-1960: Keadaan Sosial di Tanah Melayu*, Cetakan Kedua, hlm. 54.
- 94 Ho Hui Ling, "Chin Peng dan Perjuangan Parti Komunis Malaya (PKM), 1930-1989", hlm. 140. Ho Hui Ling, "Pergerakan Komunis di Negeri Perak, 1920-an hingga 1960", hlm. 110.
- 95 Ho Hui Ling, "Pergerakan Komunis di Negeri Perak, 1920-an hingga 1960", hlm. 115.
- 96 Ho Hui Ling, *Darurat 1948-1960: Keadaan Sosial di Tanah Melayu*, hlm. 54. Ho Hui Ling, *Darurat 1948-1960: Keadaan Sosial di Tanah Melayu*, Cetakan Kedua, hlm. 54.
- 97 Ho Hui Ling, *Darurat 1948-1960: Keadaan Sosial di Tanah Melayu*, hlm. 57. Ho Hui Ling, *Darurat 1948-1960: Keadaan Sosial di Tanah Melayu*, Cetakan Kedua, hlm.57.
- 98 Ho Hui Ling, *Keadaan Sosial Di Tanah Melayu, 1948-1960*, hlm. 476.
- 99 Ho Hui Ling, *Darurat 1948-1960: Keadaan Sosial di Tanah Melayu*, hlm. 58. Ho Hui Ling, *Darurat 1948-1960: Keadaan Sosial di Tanah Melayu*, Cetakan Kedua, hlm. 58.
- 100 Ho Hui Ling, *Keadaan Sosial Di Tanah Melayu, 1948-1960*, hlm. 109.
- 101 Ibid., hlm. 455.
- 102 C.O. 717/198, Law and Order, Federation of Malaya Police Operation Intelligence Summary No. 94, For Week Ending 27 April 1950.
- 103 Ho Hui Ling, *Keadaan Sosial Di Tanah Melayu, 1948-1960*, hlm. 482.

Tumpat, Air Jernih, Kemaman, Terengganu. Pengganas komunis merampas: 30 helai kain baju dan seluar bernilai \$160.00, seelor babi berharga \$50.00, enam ekor ayam betina dan jantan bernilai \$10.00, ½ tin minyak tanah berharga \$2.50, 4½ gantang beras berharga \$10.00, dan sembilan keping wang tunai tiap-tiap satu bernilai \$10.00, semuanya bernilai \$90.00. Semua rampasan tersebut bernilai \$322.50. Lim Bong Twee ditangkap, dan dibawa ke dalam hutan.¹⁰⁴

Pada 8 Jun 1950, pengganas melakukan serangan bom tangan terhadap sebuah kedai runcit Cina di Nibong Tebal, Seberang Perai. Serangan ini mengakibatkan 23 orang cedera.¹⁰⁵ Pada 4 Ogos 1950, sekumpulan komunis memasuki Kampung Kelibang Dungun, Terengganu. Pertempuran berlaku dengan penduduk kampung, dan komunis berundur.¹⁰⁶ Serangan bom tangan juga dilakukan pengganas komunis di Kuala Pilah, Negeri Sembilan pada 25 September 1950. Akibatnya, lima orang awam, empat kanak-kanak terbunuh, dan sembilan mengalami kecederaan.¹⁰⁷

Pada pagi 3 Oktober 1950, pengganas komunis melancarkan serangan hendap dan menembak mati James Chalmers, pengurus Estet Kim Sang, berhampiran Sungai Besi, Selangor ketika membuat rondaan dalam estet tersebut.¹⁰⁸ Pada 5 Oktober 1950, pengganas komunis yang bergiat di kawasan Dungun membakar rumah Ketua Kampung Jerangau, Yaah bin Mat Sin, di Kampung Nerang, Jerangau, Dungun, Terengganu kerana berkerjasama dengan pegawai keselamatan membantu membanteras komunis.¹⁰⁹ Pada 1 September 1950, pengganas komunis menahan sebuah lori dan dua bas di Selangor. Pengganas komunis merampas kad pengenalan dan membakar kedua-dua bas tersebut. Pada 15 Oktober 1950, pengganas komunis menahan dua buah bas di Selangor, dan merompak harta benda penumpang, seterusnya membakar bas tersebut. Selain itu pengganas komunis juga menahan sebuah lori dan merampas makanan pada hari yang sama (15 Oktober 1950).¹¹⁰ Pada 26 November 1950, pejabat, tempat simpan barang, rumah asap, tempat pengawal, sebuah lori dan kilang getah sebuah estet di Rawang, Selangor diserang dan dibakar oleh pengganas komunis.¹¹¹ Pada 5 Disember 1950, kira-kira 20 orang pengganas komunis menyerang hendap dan berjaya menembak mati Noel Frank Modder, penolong pengurus sebuah estet di Kajang, Selangor, berhampiran dengan kilang ester tersebut.¹¹² Pada 13 Disember 1950, sekumpulan komunis melancarkan serbuan ke atas sebuah rumah orang Cina di Kuala Selangor. Dalam serbuan ini seorang Cina ditembak mati, manakala seorang

104 Pejabat Daerah Kemaman Siri A.O.E. 1948-1954, No. Fail 20/49, "Emergency (Civilian Injuries Compensation) Reg. 1049, Salinan Report No. 4-5/50, Rumah Pasung Ayer Jerneh, pukul 9.21 pagi, 5.5.50, aduan Fu Ti keturunan Hailam, berusia 41, pekerjaan penoreh getah, tinggal di Kampung Tumpat, Ayer Jerneh, Kemaman. Fu Ti ialah isteri Lim Bong Twee.

105 Ho Hui Ling, *Darurat 1948-1960: Keadaan Sosial di Tanah Melayu*, hlm. 45. Ho Hui Ling, *Darurat 1948-1960: Keadaan Sosial di Tanah Melayu*, Cetakan Kedua, hlm. 45.

106 Pejabat Daerah Kemaman Siri A.O.E. 1948-1956, 22/50, Visits to British Areas – August 1950 – 19/9/50.

107 Ho Hui Ling, *Darurat 1948-1960: Keadaan Sosial di Tanah Melayu*, hlm. 45. Ho Hui Ling, *Darurat 1948-1960: Keadaan Sosial di Tanah Melayu*, Cetakan Kedua, hlm. 45.

108 C.O. 717/198, Law and Order, Military Situation Weekly Intelligence Summary, hlm. 233.

109 Pejabat Daerah Kemaman Siri A.O.E. 1948-1954. No. Fail 20/49 Pt. 1, "Emergency (Civilian Injuries Compensation) Reg. 1949, kenyataan Salim bin Mohamad, Penghulu Mukim Jerangau, 25.5/1950.

110 Ho Hui Ling, *Keadaan Sosial Di Tanah Melayu, 1948-1960*, hlm. 455-456.

111 Ibid., hlm. 155.

112 Ibid., hlm. 140.

lagi dipukul dengan pemukul di atas kepala.¹¹³ Pada 21 Disember 1950, pengganas komunis meletuskan landasan kereta api di Kajang, Selangor. Letupan ini mengganggu perjalanan kereta api dari Kuala Lumpur ke Singapura. Sementara itu dalam kejadian yang lain pada 31 Disember 1950, pengganas komunis menggelincirkan kereta api panduan di kawasan antara Batang Kali dengan Rasa, Selangor. Juga pengganas komunis menggelincirkan kereta api panduan yang berjalan dari Kuala Lumpur ke Pulau Pinang.¹¹⁴ Pada 27 Disember 1950, pengganas komunis menyerang Estet Kajang, Selangor. Mereka membunuh kerani estet dan mencederakan penolong pengurus.¹¹⁵ Sementara itu pada 29 Disember 1950, seorang tua yang tinggal di sebuah pondok di Kuala Lumpur dibunuh oleh komunis.¹¹⁶ Pada 31 Disember 1950 pula, pengganas komunis menembak mati seorang doktor Cina di rumah, Pulau Pinang.¹¹⁷

Sementara itu pada 1951, pengganas komunis membunuh Batin Diok bin Menteri Yau di Lanchang, Pahang.¹¹⁸ Pada awal 1951, sekumpulan komunis, dipercayai pimpinan Ah Ngee menahan bas penumpang Syarikat Thong Air Omnibus Co. Ltd. perjalanan Chukai-Ayer Puteh. Dalam peristiwa ini, komunis menahan beberapa pemuda, dan merampas kad pengenalan serta makanan penumpang. Pertempuran berlaku di antara pengganas komunis ini dengan pasukan keselamatan. Pengganas komunis berjaya diundurkan, tetapi dua orang awam pasukan keselamatan pimpinan Encik Amir terkorban.¹¹⁹ Pada 10 Januari 1951, pengganas komunis menyerang W.J. Shaw, pengurus Estet Brooklands, Banting, Kuala Langat, Selangor dan pembantunya, A.N. Symons. Dalam serangan itu W.J. Shaw terbunuh, manakala A.N. Symons mengalami kecederaan.¹²⁰ Pada 31 Januari 1951, enam pemotong kayu diculik, dan makanan serta barang mereka dirampas oleh pengganas komunis di Kuala Krai, Kelantan.¹²¹ Pada 2 Februari 1951, pengganas komunis menyerang dan membakar tiga buah bas di Rawang, Selangor. Barangan yang dimiliki penumpang dirompak.¹²² Pada 3 Februari 1951, pengganas komunis menetak (menakik) pokok getah di kawasan seluas 50 ekar, estet milik Hong Him Ling di Pondok Lima, Hulu Chukai, Kemaman, Terengganu. Selain itu pengganas komunis juga merosakkan peralatan membuat getah keping, dan rumah kongsi.¹²³ Pada 2 Mac 1951, komunis membakar sebuah kedai jual getah dalam sebuah kampung di Kulim, Kedah. Keganasan dan kekejaman komunis ini menyebabkan api merebak membakar separuh kampung tersebut, dan memusnahkan 31 rumah kedai, serta

113 Ibid., hlm. 110.

114 Ibid., hlm. 440.

115 Ibid., hlm. 155.

116 Ibid., hlm. 110.

117 Ho Hui Ling, *Darurat 1948-1960: Keadaan Sosial di Tanah Melayu*, hlm. 47. Ho Hui Ling, *Darurat 1948-1960: Keadaan Sosial di Tanah Melayu*, Cetakan Kedua, hlm. 47.

118 Pejabat Daerah Temerloh (PDT) 307/50, Pegawai Daerah Temerloh (I.B. Mendel) kepada Setiausaha Kerajaan Pahang, Kuala Lipis, 24 Oktober 1950.

119 Osman Mamat, *Darurat Di Terengganu 1948-1960*, Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka, 1981, hlm. 19.

120 Ho Hui Ling, *Keadaan Sosial Di Tanah Melayu, 1948-1960*, hlm. 140.

121 Ho Hui Ling, *Darurat 1948-1960: Keadaan Sosial di Tanah Melayu*, hlm. 55. Ho Hui Ling, *Darurat 1948-1960: Keadaan Sosial di Tanah Melayu*, Cetakan Kedua, hlm. 55.

122 Ho Hui Ling, *Keadaan Sosial Di Tanah Melayu, 1948-1960*, hlm. 456.

123 Pejabat Daerah Kemaman Siri A.O.E. 1948-1954, No. Fail 33/50, "Compensation for Property damaged as a result of reprisal attack by Bandits", Hong Hin Ling kepada Pegawai Pentadbiran Timur, Kemaman, 14 Februari 1951.

sebuah sekolah.¹²⁴ Pada 7 Mei 1951, pengganas komunis melancarkan serangan terhadap salah sebuah estet getah di Rawang, Selangor. Dalam serangan ini mereka membakar dua buah rumah asap, sebuah setor getah, dan merampas harta pekerja.¹²⁵

Dalam kegiatan yang kononnya untuk membebaskan Persekutuan Tanah Melayu daripada penjajah British, masjid juga tidak terlepas daripada keganasan komunis. Pada 17 April 1951, 40 komunis menyerang sebuah masjid di Raub, Pahang. Dalam serangan ini komunis menembak mati penjaga masjid, dan mengambil peralatan masjid.¹²⁶ Dalam kejadian lain, pada 29 Mei 1951, pengganas komunis merosakkan jentera kerajaan di kawasan padi Tanjung Karang, Selangor, dan menyebabkan kerugian bernilai \$2,000.00.¹²⁷ Pada 7 Jun 1951, komunis menggelincirkan kereta api perjalanan dari Kemayan ke Gemas, dan pemandu cedera. Pada 24 Jun 1951 pula, komunis menggelincirkan tujuh gerabak kereta api di Ayer Kuninh, Gemas, Negeri Sembilan.¹²⁸ Pada 1 September 1951, pengganas komunis menetak pokok getah di Kampung Tok Masjid dan Kampung Tok Kubur, Dungun. Dalam pada itu pengganas komunis juga menyerang hendap truk polis, bas dan lori di Batu 52½, jalan Paka, Terengganu. Dalam serangan terhadap bus, pengganas komunis merampas kad pengenalan penumpang. Serangan hendap terhadap truk polis pula, seorang polis terkorban, dan anak perempuannya cedera ringan.¹²⁹ Pada 18 Oktober 1951, 40 orang pengganas komunis menyerang, membakar kilang dan pejabat, membunuh seorang mata-mata khas, dan mencederakan tiga orang di Estet Sungai Sidu, Banting, Selangor.¹³⁰ Selain itu pada 1951, PKM mendakwa mencapai kejayaan besar dalam kegiatan mereka kerana berjaya membunuh Pesuruhjaya Tinggi Persekutuan Tanah Melayu, Sir Henry Gurney pada 7 Oktober 1951. Pasukan komunis yang disebut sebagai Tentera Pembebasan Nasional Malaya menyerang hendap dan membunuh Sir Henry Gurney ini dipimpin oleh Siao Ma.¹³¹ Pada 14 November 1951, komunis merosakkan jalan kereta api, menyebabkan kereta api dalam perjalanan dari Singapura ke Kuala Lumpur tergelincir di di Tampin, Negeri Sembilan. Antara penumpang kereta api ini, Yang di-Pertuan Besar Negeri Sembilan. Dalam keganasan komunis melibatkan kereta api ini, empat penumpang terbunuh, 10 cedera parah, dan lapan mengalami cedera ringan.¹³²

Pada Januari 1952, lapan orang pengganas komunis berpakaian seragam dan bersenjata menahan sebuah bas di batu 15, jalan antara Sungai Buluh dengan Subang, Selangor. Bas tersebut dibakar, manakala dua orang penumpang berbangsa Cina dcederakan.¹³³

125 Ho Hui Ling, *Keadaan Sosial Di Tanah Melayu, 1948-1960*, hlm. 156.

124 Ho Hui Ling, "Chin Peng dan Perjuangan Parti Komunis Malaya (PKM), 1930-1989", hlm. 140.

125 Ho Hui Ling, *Keadaan Sosial Di Tanah Melayu, 1948-1960*, hlm. 156.

126 Ho Hui Ling, *Darurat 1948-1960: Keadaan Sosial di Tanah Melayu*, hlm. 55. Ho Hui Ling, *Darurat 1948-1960: Keadaan Sosial di Tanah Melayu*, Cetakan Kedua, hlm. 55.

127 SUK. Sel. 1521/51, Loss of government property at Tg. Karang Padi Area by bandit action.

128 Ho Hui Ling, "Perkembangan Pergerakan Komunis dan Parti Komunis Malaya (PKM) di Negeri Sembilan, 1920-1960", hlm. 110.

129 Pejabat Daerah Kemaman Siri A.E.O. 1948-1954, No. Fail 41/49 Pt. II "Monthly Reports on important events – Kemaman & Dungun 1949, 1950 & 1951" – 31/8/1950 – 30/12/1951, "Monthly Report for October 1951", tanda tangan Pegawai Daerah Dungun, Haji Dol Abdullah bin Alias, 4 November 1951.

130 Ho Hui Ling, *Keadaan Sosial Di Tanah Melayu, 1948-1960*, hlm. 156.

131 Abdullah C.D., *Memoir Abdullah C.D. (Bahagian Kedua): Penaja dan Pemimpin Rejomen Ke-10*, hlm. 96.

132 Ho Hui Ling, "Usaha Kerajaan Dalam Membanteras Gerakan Komunis di Negeri Sembilan, 1948-1960", *Malaysia dari segi Sejarah*, Bil. 43-2015, hlm. 131.

133 C.O. 1022/13, Security Forces Weekly Intelligence Summary on Bandit Activity, The Security Forces Weekly Intelligence Summary No. 87 for the week ending the 10th January 1952, Part III, hlm. 2.

Pada tahun 1952, pengganas komunis menakik 2,000 pokok getah di Rawang, Selangor. Selain itu pengganas komunis menakik 1,923 pokok getah di Kuala Selangor, merosakkan 4.05 hektar (10 ekar) ladang getah di Klang, Selangor, dan menakik 100 pokok getah di Kajang, Selangor.¹³⁴ Pada 25 Januari 1952, empat pengganas komunis menembak mati seorang Melayu di Pendang, Kedah.¹³⁵ Juga pada 25 Januari 1952, komunis menembak mati E.D. Harding, pengurus Estet Lothian, Sepang, Selangor.¹³⁶ Pengganas komunis membunuh dua orang penoreh getah Melayu di ladang getah, Kuala Kubu, Selangor pada Februari 1952.¹³⁷ Seterusnya pada Mac 1954, dua orang petani Cina, Chan Siong berusia 41 tahun dan Lau Kong Yoke berusia 20 dibunuh oleh pengganas komunis ketika sedang menuai padi di Sekinchan, Kuala Selangor, Selangor.¹³⁸ Pada 26 April 1952, pengganas komunis memotong dan mencuri wayar telefon sepanjang 792 meter di tepi stesen kereta api Ampang.¹³⁹ Sementara itu pada Ogos 1952, 246 wayar telefon di Rawang, Selangor yang dianggarkan bernilai \$1,300.00 dirosakkan oleh pengganas komunis.¹⁴⁰

Dalam perkembangan lain, komunis terus melakukan keganasan dan kekejaman di Persekutuan Tanah Melayu. Pada 17 Februari 1953, komunis memasuki Estet Neeld, Tangkak, Johor, dan memusnahkan kilang di sini.¹⁴¹ Seterusnya sekumpulan komunis menangkap penghulu bersama tiga *Home Guard* di Kampung Bukit Bachang, Kuala Krai pada 1 Mac 1953.¹⁴² Pada 7 Mac 1953, satu kumpulan pengganas komunis menyerang Kampung Bukit Kachang, Hulu Kelantan, menculik ketua kampung, merampas makanan dan selaras senapang patah. Kemudiannya ketua kampung tersebut dibunuh.¹⁴³ Pada 8 April 1953, segerombolan kira-kira 20 komunis bersenjatakan, satu bren gun, tiga sten gun, dan 18 raifel menyerang hendap lapan Polis Keselamatan Kawasan yang bergerak melalui timur laut Estet Kamiri, di utara Sungai Siput, Perak. Serangan ini mengakibatkan, enam polis khas terbunuh, dan dua lagi membalas tembakan, serta berundur.¹⁴⁴ Seterusnya pada

134 C.O. 1022/13, Security Forces Weekly Intelligence Summary on Bandit Activity.

135 Ho Hui Ling, *Darurat 1948-1960: Keadaan Sosial di Tanah Melayu*, hlm. 55. Ho Hui Ling, *Darurat 1948-1960: Keadaan Sosial di Tanah Melayu*, Cetakan Kedua, hlm. 55.

136 Ho Hui Ling, *Darurat 1948-1960: Keadaan Sosial di Tanah Melayu*, hlm. 61. Ho Hui Ling, *Darurat 1948-1960: Keadaan Sosial di Tanah Melayu*, Cetakan Kedua, hlm. 61.

137 Ho Hui Ling, *Keadaan Sosial Di Tanah Melayu, 1948-1960*, hlm. 130.

138 JPPTM (Jabatan Penerangan Persekutuan Tanan Melayu), 431/54, Surat Pekeliling No. 3125, To the people of Kuala Selangor – Fight the terrorist murderers. Ho Hui Ling, *Keadaan Sosial Di Tanah Melayu, 1948-1960*, hlm. 113.

139 Ho Hui Ling, *Keadaan Sosial Di Tanah Melayu, 1948-1960*, hlm. 477.

140 C.O. 1022/16, Security Forces Weekly Intelligence Summary on Bandit Activity in the Federation of Malaya, The Security Forces Weekly Intelligence Summary No. 121 for the Week Ending the 31st January 1953, hlm. 2. Ho Hui Ling, *Keadaan Sosial Di Tanah Melayu, 1948-1960*, hlm. 47.

141 Ho Hui Ling, *Darurat 1948-1960: Keadaan Sosial di Tanah Melayu*, hlm. 68. Ho Hui Ling, *Darurat 1948-1960: Keadaan Sosial di Tanah Melayu*, Cetakan Kedua, hlm. 68.

143 Ho Hui Ling, “Amcaman Komunis Terhadap Pasukan Keselamatan di Semenanjung Tanah Melayu, 1948-1989”, *Purba*, Bilangan 38 – 2019, hlm. 199. Ho Hui Ling, *Darurat 1948-1960: Keadaan Sosial di Tanah Melayu*, hlm. 55. Ho Hui Ling, *Darurat 1948-1960: Keadaan Sosial di Tanah Melayu*, Cetakan Kedua, hlm. 55.

143 Ho Hui Ling, “Amcaman Komunis Terhadap Pasukan Keselamatan di Semenanjung Tanah Melayu, 1948-1989”, hlm. 200. Ho Hui Ling, *Darurat 1948-1960: Keadaan Sosial di Tanah Melayu*, hlm. 56. Ho Hui Ling, *Darurat 1948-1960: Keadaan Sosial di Tanah Melayu*, Cetakan Kedua, hlm. 56.

144 Yuen Yuet Leng, *Operation Ginger*, Kuala Lumpur: vinpress, 1998, hlm. 24. Ho Hui Ling, “Amcaman Komunis Terhadap Pasukan Keselamatan di Semenanjung Tanah Melayu, 1948-1989”, hlm. 200.

13 Jun 1953, sepuluh pengganas komunis membunuh seorang buruh India di Estet Aik Lee San, Gelang Patah, Johor.¹⁴⁵ Pada 27 Jun 1953, dua komunis menahan dan membakar lori Estet Ban Lee di Kualai, Johor.¹⁴⁶ Pada 28 November 1953, komunis melancarkan serangan hendap terhadap pasukan keselamatan di Lembah Besut, Terengganu. Dalam serangan komunis ini, seorang terbunuh, dan seorang lagi polis khas mengalami cedera parah.¹⁴⁷ Pada 18 Disember 1953, seorang penoreh getah Cina ditembak mati oleh pengganas komunis di Machap Baru, Melaka.¹⁴⁸

Pada 7 Januari 1954, dua buah lori milik Estet Karinagar, Gelang Patah, Johor dibakar oleh enam pengganas komunis.¹⁴⁹ Pada 28 Januari 1954, sekumpulan pasukan komunis Melayu, Rejimen ke-10, pimpinan Abu Samah dan Rosli melancarkan serangan hendap terhadap kira-kira 160 orang pasukan kerajaan yang diagungkan sebagai Pasukan *Golden British*, tidak pernah kalah dan menempa kejayaan dalam Perang Dunia Kedua di Sungai Sekam, Cameron Highland, Pahang. Pertempuran berlangsung hampir 30 minit. Rejimen ke-10 mendakwa ramai daripada pasukan keselamatan terbunuh.¹⁵⁰ Seterusnya pada 9 Jun 1954, segerombolan kira-kira 20 komunis menyerang Kampung Baru Kwoon Choo Loo, Gelang Patah, Johor, menahan dan membunuh tiga pekerja India. Berikutnya pada 25 Ogos 1954, komunis membunuh dua kepala pekerja India Estet Dovemby Sungai Siput, Perak. Kedua-dua mayat digantung pada pokok, dan perut mereka di belah. Pada 8 September 1954 pula, komunis menembak di kepala seorang pekerja India, Estet Kelapa Sawit Kulai, Kulai, Johor.¹⁵¹

Pada 29 Januari 1955, komunis merosakkan cawan tadahan susu getah, dan menakik batang pokok getah di Selumpur, Segamat, Johor.¹⁵² Pada 13 Mac 1955, komunis menembak mati K.D. Paul pengurus Estet Pengerang ketika melawat Estet Santi, Kota Tinggi,¹⁵³ Johor. Pada 31 Jun 1955, mayat seorang penoreh getah dalam keadaan kedua-dua tangan diikat dan lehernya dikerat dijumpai dalam ladang getah di Kajang, Selangor.¹⁵⁴ Pada 2 Oktober 1955, seorang penyelia keturunan Cina, estet S.M.P.G. Pntian, Johor, ditemak mati oleh pengganas

145 Ho Hui Ling, *Darurat 1948-1960: Keadaan Sosial di Tanah Melayu*, hlm. 57. Ho Hui Ling, *Darurat 1948-1960: Keadaan Sosial di Tanah Melayu*, Cetakan Kedua, hlm. 57.

146 Ho Hui Ling, *Darurat 1948-1960: Keadaan Sosial di Tanah Melayu*, hlm. 68. Ho Hui Ling, *Darurat 1948-1960: Keadaan Sosial di Tanah Melayu*, Cetakan Kedua, hlm. 68.

147 Ho Hui Ling, "Amcaman Komunis Terhadap Pasukan Keselamatan di Semenanjung Tanah Melayu, 1948-1989", hlm. 200.

148 Ho Hui Ling, *Darurat 1948-1960: Keadaan Sosial di Tanah Melayu*, hlm. 47. Ho Hui Ling, *Darurat 1948-1960: Keadaan Sosial di Tanah Melayu*, Cetakan Kedua, hlm. 47.

149 Ho Hui Ling, *Darurat 1948-1960: Keadaan Sosial di Tanah Melayu*, hlm. 68. Ho Hui Ling, *Darurat 1948-1960: Keadaan Sosial di Tanah Melayu*, Cetakan Kedua, hlm. 68.

150 Mohamed Salleh Lamry, *Abu Samah Kassim: Pejuang Kiri Kemerdekaan Zuriat Datuk Bahaman*, hlm. 118. Suriani Abdullah, *Memoir Suriani Abdullah Setengah Abad Dalam Perjuangan*, Petaling Jaya: Strategic Information Reserch Development (SIRD), 2006, hlm. 112. Mohamed Salleh Lamry, *Siti Norkiah Mahmud Srikandi Dari Pahang Utara*, hlm. 64-65.

151 Ho Hui Ling, *Darurat 1948-1960: Keadaan Sosial di Tanah Melayu*, hlm. 58. Ho Hui Ling, *Darurat 1948-1960: Keadaan Sosial di Tanah Melayu*, Cetakan Kedua, hlm. 58.

152 Ho Hui Ling, *Darurat 1948-1960: Keadaan Sosial di Tanah Melayu*, hlm. 68. Ho Hui Ling, *Darurat 1948-1960: Keadaan Sosial di Tanah Melayu*, Cetakan Kedua, hlm. 68.

153 Ho Hui Ling, *Darurat 1948-1960: Keadaan Sosial di Tanah Melayu*, hlm. 61. Ho Hui Ling, *Darurat 1948-1960: Keadaan Sosial di Tanah Melayu*, Cetakan Kedua, hlm. 61.

154 Ho Hui Ling, *Keadaan Sosial Di Tanah Melayu, 1948-1960*, hlm. 159.

komunis.¹⁵⁵ Pada 16 November 1955, komunis menyerang hendap, dan mencederakan dua peladang Eropah ketika memeriksa ladang getah baru di Lenga, Johor.¹⁵⁶ Pada 22 November 1955, komunis melancarkan serangan terhadap sebuah Kampung Baru di Cameron Highland, Pahang. Akibat serangan ini, seorang polis terbunuh, seorang pengawal kampung keturunan Cina mengalami kecederaan, dan jumlah tertentu senjata dirampas.¹⁵⁷ Dalam perkembangan lain, pada 23 Disember 1955, sekumpulan komunis menyerbu kediaman pekerja ladang Estet Sagil, Tangkak, Johor, dan merampas susu dalam tin, tembakau, dan 181.44 kilogram beras.¹⁵⁸

Dalam perkembangan keganasan komunis seterusnya, pada 29 Mac 1956, lapan komunis melancarkan serangan hendap terhadap sebuah kereta perisai polis di Mersing, Johor. Kereta perisai polis ini dalam perjalanan dari Johor Bahru menuju Jemaluang.¹⁵⁹ Pada 17 September 1956, 15 komunis memasuki kawasan perlombongan di Tronoh, Perak, membakar sebuah pondok, dan tiga enjin ombong di sini.¹⁶⁰ Pada 22 Mei 1957, komunis menembak pengurus dan penolong Estet Craigielea, Muar, Johor.¹⁶¹ Pada 8 Disember 1959, 700 pokok getah ditakik komunis di Kajang, Selangor.¹⁶²

Cita dan Hajat Tidak Tercapai

Setelah mengangkat senjata dengan pelbagai slogan perjuangan, antaranya perjuangan rakyat jelata, dan menentang penjajah British selama 12 tahun, dari 1948 hingga 1960, PKM gagal menubuhkan negara rakyat, Republik Demokratik Rakyat Malaya. Kerajaan Persekutuan berjaya mengatasi pemberontakan bersenjata PKM ini, dan mengisytiharkan darurat tamat pada 1960.

Setelah mengisytiharkan darurat pada 1948, kerajaan Persekutuan mengambil pelbagai langkah dan tindakan membanteras kegiatan komunis ini. Antara langkah dan tindakan yang digunakan ialah Perang Saraf. Dalam rancangan perang saraf menentang komunis: isu pengganas dan membantu pengganas menyerah diri, memberi hadiah kepada mereka yang memberi bantuan pengganas menyerah diri, pengganas kebuluran, kawasan putih, haelwal pengawalan kampung, kejayaan penduduk kampung menentang komunis, dan peraturan kawalan makanan.¹⁶³ Dalam pada itu kerajaan Persekutuan juga mengambil

155 Ho Hui Ling, *Darurat 1948-1960: Keadaan Sosial di Tanah Melayu*, hlm. 48. Ho Hui Ling, *Darurat 1948-1960: Keadaan Sosial di Tanah Melayu*, Cetakan Kedua, hlm. 48.

156 Ho Hui Ling, *Darurat 1948-1960: Keadaan Sosial di Tanah Melayu*, hlm. 61. Ho Hui Ling, *Darurat 1948-1960: Keadaan Sosial di Tanah Melayu*, Cetakan Kedua, hlm. 61.

157 Ho Hui Ling, "Ancaman Komunis Terhadap Pasukan Keselamatan di Semenanjung Tanah Melayu, 1948-1989", hlm. 201.

158 Ho Hui Ling, *Darurat 1948-1960: Keadaan Sosial di Tanah Melayu*, hlm. 69. Ho Hui Ling, *Darurat 1948-1960: Keadaan Sosial di Tanah Melayu*, Cetakan Kedua, hlm. 69.

159 Ho Hui Ling, "Ancaman Komunis Terhadap Pasukan Keselamatan di Semenanjung Tanah Melayu, 1948-1989", hlm. 201.

160 Ho Hui Ling, *Darurat 1948-1960: Keadaan Sosial di Tanah Melayu*, hlm. 72. Ho Hui Ling, *Darurat 1948-1960: Keadaan Sosial di Tanah Melayu*, Cetakan Kedua, hlm. 72.

161 Ho Hui Ling, *Darurat 1948-1960: Keadaan Sosial di Tanah Melayu*, hlm. 61. Ho Hui Ling, *Darurat 1948-1960: Keadaan Sosial di Tanah Melayu*, Cetakan Kedua, hlm. 61.

162 Ho Hui Ling, *Keadaan Sosial Di Tanah Melayu, 1948-1960*, hlm. 160.

163 Abdullah Zakaria Ghazali, Ho Hui Ling dan Mahmud Embong, *Darurat di Kelantan 1948-1960: Pengalaman dan Iktibar*, hlm. 140.

pelbagai langkah: menguatkan pasukan bersenjata, mengadakan sekatan barangan makanan, mengeluarkan tawaran hadiah, mewujudkan pengawal dan kawalan kampung, majlis perang, pembinaan jalan raja, pendaftaran kebangsaan, menjalankan kempen bulan rakyat melawan komunis, perintah berkurung, penempatan semula, kubu hutan, pembersihan kawasan, menjalankan usaha mendapatkan sokongan dan bantuan penduduk, dan pengisytiharan kawasan putih.¹⁶⁴ Pada awal 1949, kerajaan berjaya melatih melebihi satu ribu mata-mata khas baru. Dengan itu membolehkan pasukan tentera melaksanakan tugas mengesani lokasi kem komunis; membuat serbuan, merampas bekalan makanan, dan senjata. Serangan ini juga menyebabkan komunis berundur dalam kumpulan kecil bagi menyelematkan diri masing-masing.¹⁶⁵

Kerajaan Persekutuan mengemaskan pasukan polis. Semua cawangan *Malayan security Branch* Persekutuan Tanah Melayu ditukar nama kepada *Special Branch* (Cawangan Khas) Persekutuan Tanah Melayu, dan berkuatkuasa mulai 1 Ogos 1948. Cawangan Khas ini bertanggungjawab mengumpul maklumat penubuhan dan kegiatan subversif.¹⁶⁶ Sehubungan itu kajian penambahbaikan dilakukan terhadap pasukan polis. Perkara utama yang dalam kajian itu merangkumi: ketegangan mental dan fizikal, kelemahan berurusan dalam operasi seluruh Tanah Melayu, kelengkapan senjata, tugas risikan dan waktu rehat serta kenaikan pangkat.¹⁶⁷ Kajian dilakukan, dan berikutnya laporan dibuat oleh Alexander Maxwell, J.F. Fergusson dan R.J. Jackson berjudul *Report of the Police Mission to Malaya*; diterbitkan pada 1950. Dengan mengambil kira keadaan darurat, tugas polis perlu diubahsuai. Antara lain cadangan yang dikemukakan: menambah jumlah anggota polis, memberi taklimat kepada pegawai polis baru, membentuk pasukan hutan, meningkatkan hubungan ibu pejabat polis dengan kontijen, megawal kereta polis dengan senjata, dan meningkatkan perkhidmatan wayarles.¹⁶⁸

Usaha kerajaan Persekutuan Tanah Melayu mencapai kejayaan. Pada 1949, kumpulan komunis, rejimen ke-10 bergerak ke utara, dan memasuki Selatan Thailand. Sementara itu terdapat kumpulan rejimen ke-10, terdiri daripada Kapten Abas atau Ahmad bin Salleh, Siti binti Nong Sahak, Ibrahim bin Chik atau Latif Adam, dan Julia Rahma binti Kathi Ahmad bergerak ke Kelantan pada 1952.¹⁶⁹

Dalam pada itu kerajaan Persekutuan mengambil langkah berunding dengan komunis pada 1955. Padahal Parti Komunis Malaya telahpun diharamkan oleh kerajaan Persekutuan sejak 1948. Langkah kerajaan ini membuktikan keinginan kerajaan

164 Untuk keterangan lanjut sila lihat, Abdullah Zakaria Ghazali, Ho Hui Ling dan Mahmud Embong, *Darurat di Kelantan 1948-1960: Pengalaman dan Iktibar*, hlm. 139-187. Lihat juga, misalnya Richard Stubbs, *Hearts and Minds in Guerrilla Warfare: The Malayan Emergency 1948-1960*, Singapore: Oxford University Press, 1993, hlm. 6. Anthony Short, *The Communist Insurrection in Malaya 1948-1960*. Gene Z. Hanrahan, *The Communist Struggle in Malaya*.

165 Richard Clutterbuck, *THE Long Long War: The Emergency in Malaya 1948-1960*, Singapore: Cultured Lotus, 2003, hlm. 51.

166 *Federation of Malaya, Annual Report Social and Economic Perak 1948*, hlm.246.

167 C.O. 537/5434, Review of Police and Security Forces in Relation to Communist Infiltration Malaya.

168 C.O. 537/5417, C.J.J.T. Barton kepada A.J. Kellar, 18 April 1950, terlampir Report of the Police Mission to Malaya, March, 1950, Kuala Lumpur: Printed at Government Press, 1950.

169 B.A. Pahang, 300/15, "Malays and the Emergency (Re-grouping, Communist Exploitation, bandit action in Temerloh, anti-colonial activity, 'Ginger')", D.B.D. Henchman, Head Special Branch Pahang kepada C.P.O. Pahang, 12 Julai 1954, "Perak C.E.P. Sulaiman bin Kassim – PHG W.L. 1394" terlampir Appendix B.

mewujudkan keamanan dalam Persekutuan Tanah Melayu. Rundingan diadakan di Sekolah Rendah Jenis Kebangsaan Tunku Putera, Baling, Kedah dari 28 hingga 29 Disember 1955. Dalam rundingan ini, kerajaan Persekutuan diwakili: Tunku Abdul Rahman (Ketua Menteri Persekutuan Tanah Melayu), Dato' Tan Cheng Lock, Yaacob Latif (Pengarah Maklumat Melayu), Too Joo Hing dan David Marshall (Ketua Menteri Singapura); PKM pula diwakili: Chen Ping, Chen Tien dan Abdul Rashid Maidin. Rundingan ini berakhir dengan kegagalan. Kegagalan ini kerana kedua-dua pihak tidak mahu menerima syarat yang masing-masing kemukakan. Tunku Abdul Rahman tidak dapat menerima cadangan Chin Ping supaya kerajaan menerima PKM sebagai sebuah parti sah dalam Persekutuan Tanah Melayu. Manakala Chin Peng pula menolak cadangan kerajaan membubarkan PKM, dan semua ahlinya menyerah diri.¹⁷⁰

Dalam pada itu gerakan membanteras kegiatan pengganas komunis ini menghasilkan penurunan keahliannya. Pada 1957, keahlian komunis berkurangan dari 11,000 ke 1,300. Daripada jumlah 1,300 ini, komunis bergerak di bahagian tengah Johor, utara Perak, dan Selatan Thailand. Semenntara itu dalam sumber komunis bertarikh 1 Jun 1958, menyatakan komunis tidak akan berjaya melawan kerajaan. Sehubungan itu komunis menyebarkan risalah menyatakan mereka akan menubuhkan Kerajaan Barisan Bersatu (*United Front Government*) sebagai langkah ke arah pembentukan Republik Komunis. Seterusnya komunis akan mencetuskan kacau bilau melalui mempengaruhi pelajar sekolah mencetuskan kekacauan. Sementara itu dalam dokumen berjudul "10th Anniversary of the National Liberation War" komunis menyeru penduduk menyokong perjuangan senjata mereka dan menyokong Tentera Pembebasan (*Liberation Army*).¹⁷¹

Sementara itu pada 6 Disember 1957, kerajaan Persekutuan melalui Tunku Abdul Rahman mengeluarkan kenyataan tidak akan lagi mengadakan rundingan dengan Chin Ping, kecuali kejayaan awal dicapai dalam rundingan yang akan diadakan pada 31 Disember 1957. Sebagai tindak balas terhadap kenyataan Tunku Abdul Rahman ini, Chin Peng menulis surat kepada Tunku Abdul Rahman bertarikh 9 Disember 1957, menyatakan komunis tidak akan menyerah, dan perjuangan komunis adalah membantu negara menamatkan penjajahan serta mendapatkan kemerdekaan. Tunku Abdul Rahman mengulas kenyataan Chin Ping, menyatakan jika itulah cadangan Chin Ping untuk mewujudkan keamanan, keamanan tidak akan wujud dan penduduk tidak akan selamat. Tunku Abdul Rahman seterusnya menyatakan hasrat komunis ialah menyebarkan fahaman komunis, dan matlamat terakhirnya adalah

170 Mengenai Rundingan Baling ini, boleh rujuk C.O. 1030/30, Memorandum from the Chief Minister and Minister for Internal Defence and Security – Baling Talk. Lihat juga Abdul Rashid Maidin, *Memoir Rashid Maidin: Daripada Perjuangan Bersenjata Kepada Perdamain*, Petaling Jaya: Strategic Information Research Development (SIRD), 2005, hlm. 71-79.; Ibrahim Chik, *Memoir Ibrahim Chik: Dari Api ke Rejimen ke-10*, hlm. 135-135. Ramli bin Haji Ahmad, "Perjumpaan Baling 1955", Khoo Kay Kim dan Adnan Hj. Nawa6g (Penyunting), *Darurat 1948-1960*, Kuala Lumpur: Muzium Angkatan Tentera, 1984, hlm. 193-222. Aloysius Chin, *The Communist Party of Malaya: The inside Story*, hlm. 46-48. Wahba, *Baling: Membuka Jalan Damai*, Kajang: Masa Enterprise, 1994, hlm. 67-110. Noel Barber, *The War of the Running Dogs*, London: Collins, 1971, hlm. 213-216. Ho Hui Ling, *Darurat 1948-1960: Keadaan Sosial di Tanah Melayu*, hlm. 25. Richard Stubbs, *Hearts and Minds in Guerrilla Warfar*, hlm. 226-227. C.C. Chin and Karl Hack (edired), *Dialogues wih Chin Peng New Light on the Malayan Communist Party*, Singapore: Singapore University Press, 2004, hlm. 171-185.

171 Kelantan State WEC R4/1957, Current Affairs Bulletin (Talking Point) and Monthly Newsletters.

menumbangkan kerajaan demokratik, dan seterusnya menubuhkan kerajaan komunis. Sehubungan itu Tunku Abdul Rahman menyatakan tidak bertolak ansur dengan komunis kerana beliau bertanggungjawab kepada kerajaan Perikatan, menjaga keselamatan negara baru dan penduduknya, mengekalkan demokrasi, dan menjamin keamanan serta kekayaan negara sepanjang masa. Walaupun begitu kerajaan Persekutuan memberi tempoh hingga 31 April 1958 kepada pengganas komunis menyerahkan diri.¹⁷²

Segala usaha yang dilakukan kerajaan Persekutuan sepanjang 1948 hingga 1960, membanteras kegiatan pengganas komunis membuahkan hasil. Dalam pembukaian persidangan parlimen pada 19 April 1960, Duli Yang Maha Mulia Seri Paduka Baginda Yang di-Pertuan Agong mengiystiharkan darurat tamat di Persekutuan Tanah Melayu, dan berkuatkuasa pada 31 Julai 1960.¹⁷³

Sepanjang tahun 1948 hingga 1960, komunis kehilangan 6,710 nyawa, 1,287 orang ditangkap, 2,702 orang menyerahkan diri dan 2,810 menyerahkan diri. Pasukan polis; polis biasa, 511 orang terbunuh dan 70 orang cedera; polis bantuan, 242 orang terbunuh dan 154 orang cedera. Pasukan tentera pula, 519 orang terbunuh dan 959 cedera. Manakala orang awam, 2,473 orang terbunuh, 1,385 cedera dan 810 orang hilang.¹⁷⁴

Kesimpulan

PKM diharamkan pada 1948. Dengan itu segala pergerakan, kegiatan atau tindakan yang dilakukan oleh PKM itu adalah kegiatan haram. Sekali gus kegiatan anggota PKM itu melanggar undang-undang dan peraturan Persekutuan Tanah Melayu. Di sanping itu, anggota PKM seringkali melaungkan bahawa perjuangan mereka adalah menentang dan menghalau British. Slogan dan laungan ini tidak dapat dinafikan adalah antara motif dan dakyah kegiatan anggota PKM. Padahal matlamat terakhir pemberontakan bersenjata komunis adalah menjadikan negeri Melayu sebagai rebublik, Republik Demokratik Rakyat Malaya Dengan itu kegiatan komunis dalam pemberontakan bersenjata yang dilancarkan pada 1948 bukan matlamat terakhir menghalau British, dan memerdekakan Persekutuan Tanah Melayu, tetapi tersurat dan tersirat adalah menubuhkan Republik Demoktatik Rakyat Malaya, serta sekali gus menjadikan negeri Melayu sebagai republik. Selain itu dalam kegiatan anggota PKM dalam pemberontakan bersenjata tersebut meninggalkan kesan pahit terhadap pemerintah, penduduk dan Persekutuan Tanah Melayu. Ramai orang awam dan pasukan keselamatan terkorban; kemudahan awam rosak dan binasa; ketenteraman dan keamanan terganggu; politik dan ekonomi terjejas. Oleh itu kegiatan anggota PKM ini adalah mengganggu keamanan dan ketenteraman; merosakkan kemudahan awam dan menjejaskan

172 Kelantan State WEC R4/1957, Current Affairs Bulletin, Januari 1958, No. 1/58.

173 Ho Hui Ling, *Darurat 1948-1960: Keadaan Sosial di Tanah Melayu*, hlm. 27.

174 Edgar O' Ballance. 1966. *Malaya: The Communist Insurgent War, 1948-60*, hlm. 177-178. Tentang kejayaan kerajaan membanteras pemberontak bersenjata komunis, boleh juga rujuk tulisan, Ho Hui Ling, "Kegagalan Gerakan Bersenjata Parti Komunis Malaya (PKM), 1948-60: Satu Analisis", hlm. 87-95; Ho Hui Ling, "Usaha Kerajaan Dalam Membanteras Gerakan Komunis di Negeri Sembilan, 1948-1960", hlm. 132-145; Ho Hui Ling, ""Niat Sebenar Komunis di Tanah Melayu": Kempen Memenangi Hati dan Fikiran Penduduk pada Zaman Darurat, 1948-1960", hlm. 102-114.

PEMBERONTAKAN BERSENJATA 1948 HINGGA 1960 DAN REPUBLIK DEMOKRATIK RAKYAT MALAYA:
MERUNGKAI CITA DAN HASRAT SEBENAR PARTI KOMUNIS MALAYA (PKM)

ekonomi serta politik Persekutuan Tanah Melayu. Dengan itu tuntutan menentang dan menghalau penjajah British hanyalah helah dan dakyah mempengaruhi serta meraih simpati dan sokongan penduduk Persekutuan Tanah Melayu bagi memenuhi cita dan hasrat, serta mencapai matlamat terakhir perjuangan mereka bukan memerdekakan Persekutuan Tanah Melayu, tetapi menubuhkan Reipublik Demokratik Rakyat Malaya. Cita dan hasrat Parti Komunis menubuhkan Republik Demokratik Rakyat Malaya gagal dengan pengisytiharan tamat darurat pada 1960, dan sekali gus menandakan kejayaan Persekutuan Tanah Melayu dan angkatan bersenjata.